



**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KELIMA
PENYATA RASMI
KANDONGAN-NYA**

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1969—

Jawatan-kuasa:

Kepala 115 dan 116 [Ruangan 5705]

Kepala 117 [Ruangan 5728]

Kepala 119 dan 120 [Ruangan 5734]

Kepala 121 [Ruangan 5737]

Kepala 122 [Ruangan 5757]

Kepala 123 [Ruangan 5774]

Kepala 124 [Ruangan 5785]

Kepala 125 [Ruangan 5789]

Kepala 126 [Ruangan 5792]

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Juma'at, 7hb Februari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 9.30 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).

- Yang Berhormat NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, S.P.M.J., J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,
P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).

- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

- Yang Berhormat TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, Yang Amat Berbahagia TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Yang Amat Berbahagia TUN TAN SIEW SIN,
S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P.
(Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
(Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Trengganu Tengah).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

Yang Berhormat TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.R.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasar Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Meshuarat)

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha menyambong sa-mula Perbahathan berhubong dengan Anggaran Pembangunan, 1969, dalam Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis (6hb Februari, 1969).

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Jawatan-kuasa)

Kepala 115 dan 116—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Pengerusi: Sa-belum di-sambong Meshuarat ini, saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli² Yang Ber-

hormat, masa-nya sangat suntok sebab di-harapkan pada besok hari, hari Sabtu, perkara ini semua selesai. Tetapi menengokkan banyak-nya ucapan yang hendak di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat, saya tidak tahu bagaimana hendak menghabiskan besok. Jadi, itulah saya ingatkan; kalau boleh, buatlah ucapan itu pendek². Saya yang tidak suka sa-kali menyekat ucapan, tetapi ucapan itu boleh juga dengan chara yang pendek. Itu sahaja-lah saya hendak mengingatkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): (Bangun).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat boleh menyambong ucapan-nya tetapi mesti pendek-lah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya yang pendek sa-malam, hari ini pun saya hendak memendekkan juga ia-itu saya sa-mata² hendak membuat

kenyataan sahaja sa-berapa rengkas. Yang pertama ia-lah Pechahan-kepala 3 di-bawah Kepala 115 berkenaan dengan Balai² Polis Besar yang kita minta \$1,884,826 daripada bayaran sa-chara langsung. Saya pinta balai² Polis Besar ini mesti-lah di-atorkan supaya pertama armoury atau pun tempat senjata itu di-jauhkan; dan yang kedua setor barang². Sebab kalau sa-kira-nya sa-mata² memada² dengan bilek, maka ini akan berlaku sa-bagaimana berlaku kebakaran di-Taiping kira² 10 tahun dahulu ia-itu tidak sempat kita hendak menyelamatkan sebab ammunition atau peluru² itu boleh meletup apabila kebakaran berlaku. Kalau kita pisahkan maka itu ada lagi lebeh baik.

Yang kedua, Pechahan-kepala 10 ia-itu Sekolah Latehan Polis. Sekolah Latehan Polis saya suka kalau ada satu sekolah khusus untuk Polis² wanita kerana pada tahun ini kita mulai mengambil angka yang lebeh banyak Polis² wanita dan saya dapat tahu tidak kurang daripada 10,000 permohonan sa-hingga terpaksa kita menggunakan 100 orang polis untuk memeriksa surat permohonan itu. Ini tentu-lah lebeh baik daripada kalau kita sa-mata² meminjam depot yang untuk laki² itu.

Yang ketiga ia-lah Pechahan-kepala 64 di-bawah Kepala 115 juga berkenaan dengan kelengkapan. Di-sini kita meminta \$499,000 hendak membeli kereta² motor. Tuan Pengerusi, saya dapat tahu kalau tidak silap saya tidak kurang daripada 50 buah atau 100 buah kereta² yang baik yang dahulu-nya di-gunakan bagi Civil Defence dan sekarang ini terlantar di-padang—itu sudah dua tahun atau beberapa tahun-kah. Jadi kalau ini kita berikan kepada pehak Polis maka kita tidak payah-lah berbelanja banyak sangat, kalau tidak motokar² itu pun hujan panas sahaja. Saya tahu ada lebeh 50 buah kereta yang maseh baharu lagi terbiar dengan tidak di-gunakan.

Yang akhir sa-kali berkenaan dengan Imigresen, Tuan Pengerusi, ia-itu kita membuat office². Apa yang saya hendak meminta-nya bukan-lah berkenaan dengan office itu sendiri ia-itu budi

bahasa Pegawai² Imigresen kita di-ketika memereksa orang² yang lalu lalang.

Saya, Tuan Pengerusi, menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini tentang budi bahasa Pegawai² Imigresen kita dapat-lah saya katakan kalau di-pandang dengan tempat² yang saya pernah pergi, pegawai² kita bersikap lemah lembut dan baik dan saya harap kalau ini di-adakan satu kursus daripada pehak Kerajaan sendiri tentu-lah mereka itu akan lebeh baik. Saya perchaya kebaikan yang ada itu sa-mata² datang kapada diri sendiri-nya tidak daripada apa yang di-arah oleh Kerajaan. Ini amat-lah mustahak bagi sa-buah negara yang kechil yang sedang membangun yang memerlukan adap sopan dan bantuan daripada negeri² yang lain.

Yang akhir sa-kali, saya hendak mengadu kapada Tuan Pengerusi dan juga kapada Kementerian ini berkenaan dengan peristiwa tembak oleh pasokan polis kapada sa-buah motokar ia-itu kalau sa-kira-nya perkara ini maseh di-dalam mahkamah dan di-pandang sa-bagai sub judice, saya meminta Kementerian ini menganggapkan kenyataan itu sa-bagai tidak ada, tetapi sa-tahu saya perkara ini sudah habis ia-itu sa-buah motokar di-Trengganu di-tahan. Boleh jadi perkara ini di-tahan kerana ada perkara² yang besar—di-Dungun. Kemudian motokar itu lari, barangkali takut atau pun bersalah. Saya tidak masok champor, tetapi tindakan polis menembak dengan peluru sa-hingga tembus motokar itu—nasib baik orang-nya tidak mati—saya rasa tindakan itu tidak chermat. Patut, kalau-lah kesalahan yang di-buru itu memerlukan di-tembak, baru-lah kita boleh tembak.

Tuan Pengerusi: Yang menembak itu orang PAS atau orang mana? (Ketawa).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya tidak dapat tahu sama ada orang PAS-kah tetapi masaalah-nya, masaalah yang saya bangkitkan ini bila-kah Pegawai Polis patut menggunakan peluru, yang peluru itu boleh di-fikirkan boleh menyebabkan kematian.

Yang saya dukachita ia-lah sebab bagini. Kalau motokar itu lari, polis tembak; saya tidak membawa perkara ini dalam Dewan, tetapi motokar itu sudah berhenti dan sa-orang daripada penumpang motokar itu sudah turun dan apabila turun penumpang ini, sudah dapat tindakan keras daripada polis dan dreber yang membawa itu, sama ada tuan punya atau pun bukan, saya tidak bangkitkan, orang ini lari, rupa²-nya dia lari sebab lesen dia, road tax dia sudah mati. Jadi, kalau motokar itu sudah berhenti dan orang pun sudah kita tangkap, saya rasa motokar yang ada nombor-nya terang, begitu bagini, tidak patut kita melepaskan tembakan. Ini amat-lah zalim dan orang yang kena tembak itu, saya rasa, mendapat chedera atau pun di-ambil tindakan polis dan sekarang ini di-bawa ka-mahkamah dan saya tahu perkara ini sudah selesai. Kalau belum selesai, saya minta perkara ini dipandang tidak ada dan kalau sudah selesai, saya minta tanggung-jawab Kerajaan di-atas peristiwa itu. Terima kaseh.

Tuan Mohamed Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentoh Pechahan-kepala 2 dan 5 sahaja ia-itu Balai Polis Kechil dan Rumah² Malaysia. Balai Polis Kechil ini sudah masuk kali yang ketiga, Tuan Pengerusi, yang saya suarakan dalam Rumah yang ber-bahagia ini ia-itu satu di-Telok Panglima Garang, satu di-Pekan Banting sendiri, satu lagi di-Sungai Manggis. Ketiga² tempat ini merupakan pekan yang membangun, baharu puleh daripada musim dharurat dahulu. Maka di-sini banyak-lah perkara² yang patut di-awasi di-dalam perkara membangun kerana di-dalam simpangan perjalanan di-antara pantai² di-seluruh negeri Selangor, yang baharu² ini kita dapat ketahui ia-itu banyak penyeludup² masuk di-tiap² pantai melalui jalan² yang patut kita adakan balai² polis kechil untuk menahan dan menyekat pelarian², penyeludup² di-tepi pantai ini kerana dalam pekan ini hanya ada polis meronda, sama ada dua atau pun tiga orang pada tiap² ketika. Ini tidak mencukupi kerana apabila perkara² sampama itu berlaku tidak lekas kita

dapat bantuan daripada Balai Polis Besar. Itu-lah saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri supaya dapat menimbangkan ketiga² tempat pekan kechil ini di-adakan pondok polis.

Pechahan-kepala 5, ia-itu Ibu Pejabat Lengkong/Daerah Rumah² di-Malaysia ia-itu Ibu Pejabat Polis Kuala Langat dudok-nya di-Telok Datok. Saya rasa untuk sementara waktu balai-nya tidak-lah begitu menyusahkan, tetapi apa yang menyusahkan dan yang menyedehkan dan yang merunsingkan ia-itu rumah² polis yang ada di-tepi sungai Kuala Langat itu kerana rumah ini betul² di-tebing sungai itu. Sering kali tebing sungai ini runtuh oleh kerana sungai itu ter-lalu dalam dan berlumpur dan mengikut bagaimana yang di-jelaskan oleh Pejabat Jabatan Tali Ayer ia-itu tebing sungai itu jika di-kehendaki dipagar dengan kayu, memakan belanja tidak kurang daripada \$300,000.00. Jadi apa yang saya harapkan, Tuan Pengerusi, supaya kita buat rancangan peralehan Balai Polis Besar ini daripada berperingkat². Yang utama-nya saya minta-lah supaya rumah polis itu di-alah terlebih dahulu kerana ini telah membahayakan kanak² yang bermain di-tepi² sungai yang mana tebing sungai ini sering kali runtuh.

Baharu tahun yang lepas, kalau tak salah saya, dalam bulan Julai, keretakan yang besar telah berlaku di-tempat itu melalui seluruh berek polis di-bawah rumah. Ini chukup menchurigan-kan penduduk² polis di-sana dan, kalau tidak silap saya, salah sa-orang Pegawai Besar Polis di-Ibu Pejabat telah melawat di-tempat itu. Jadi, saya berharap-lah pada pehak Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan sa-kurang²-nya sa-bahagian kechil berek polis yang di-tepi sungai itu patut-lah di-ubah. Terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, Kepala 115—Polis di-Raja, Pechahan-kepala 4—Pondok² Balai Polis Sementara dan Rumah² Malaysia Barat. Saya hendak berchakap sedikit sahaja. Saya minta Yang Berhormat Menteri meletakkan polis² di-Pondok² Balai Polis ini supaya

berasingan dengan orang ramai untuk dapat Yang Berhormat Menteri memberi peluang membena pondok² balai polis yang ada di-kampung² yang kecil.

Pechahan-kepala 8—Bangunan dan Rumah Pasokan Polis Malaysia. Saya mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri kerana perubahan² telah pun di-jalankan di-kawasan saya berhubung dengan kedudukan bangunan rumah² polis dan balai² polis juga. Hanya saya memohon pada Yang Berhormat Menteri, maseh ada lagi balai polis bertingkat, umpama-nya di-Nyalas. Rumah itu di-atas. Jadi jikalau ada orang² yang mendapat kemalangan hendak membuat report, susah dia hendak naik ka-atas. Biar-lah di-buat seperti balai² polis yang ada sekarang.

Sa-lain daripada itu dalam kawasan saya juga ada balai polis yang telah dipasangkan wayar, sa-tahun, dua tahun sudah, tetapi api tidak sampai. Juga ahli² polis kekurangan ayer. Saya berharap supaya dapat timbangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pechahan-kepala 15 Padang Tembak Polis di-Jasin. Di-Padang Tembak Rim ada satu kawasan tembak di-sana kalau tak silap saya, telah tidak di-gunakan lagi. Kira-nya tidak di-gunakan saya berharap bagi pehak Polis memberikan peluang tanah ini kepada Pejabat Daerah kerana hendak mendirikan ranchangan².

Kepala 116 Pechahan-kepala 2, mem-baharu dan Meminda kepada Rumah² Kediaman. Saya tentu-lah juga meng-uchapkan terima kaseh kepada pehak Pegawai² Imigeresen yang bekerja kuat menjaga keselamatan berhubung dengan pembenaan rumah ini. Saya men-chadangkan biar-lah rumah untuk ahli² Imigeresen ini berdekatan dengan pejabat dia. Umpama-nya di-Melaka di-tepi laut ada kawasan untuk di-bena rumah. Sekarang kaki-tangan di-sana terpaksa berulang ka-Bukit Bharu dan lain² yang jauh. Ini menjadikan satu kesusahan juga kepada kaki-tangan Imigeresen itu sebab pegawai² ini hendak-lah kita sama² bertanggung-jawab. Terima kaseh.

Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh): Tuan Pengerusi, berchapak dalam Kepala 115 ini saya mengambil peluang rasa-nya hendak menguchapkan sa-tinggi² penghargaan kepada pehak Polis atas jasa dan usaha mereka semenjak kita mencapai kemerdekaan ini. Dan juga saya mengambil peluang menguchapkan tahniah yang banyak kepada Kementerian ini yang bersungguh memberi layanan yang baik dan saksama kepada pehak Polis seperti mana yang kita lihat di-dalam senarai² di-hadapan kita ini. Dalam pada itu saya hendak mengemukakan satu perkara yang saya fikir mustahak sangat ia-itu tentang rumah berek Polis di-Bandar Telok Anson dan juga Balai Polis di-Telok Anson.

Sa-bagaimana yang Dewan ini sedia ma'alum, sedikit tahun dahulu ada kita menerima pakar dari luar negeri datang ka-mari hendak menchari ikhtiar bagaimana hendak menyelamatkan bandar Telok Anson ini daripada di-hanyutkan oleh ayer sungai. Dalam pada itu nampak-nya perkara ini padam di-tengah jalan tak timbul, mungkin barangkali kerana perbelanjaan-nya banyak kalau hendak di-jalankan seperti mana yang di-shorkan oleh pakar itu. Jadi rasa-nya Bandar Telok Anson ini makin lama makin haus dan letak Balai Polis ini tidak jauh daripada kaki sungai di-Telok Anson ini. Sa-bagaimana juga kita tahu bahawa ada sa-baris kedai yang telah terjunam ka-dalam sungai oleh sebab tidak di-ketahui yang bahawa di-tepi sungai itu sudah bergaong di-sebabkan harus ayer ini dalam gaong dan menyebabkan kedai² itu runtuh.

Jadi saya takut juga bahawa boleh jadi Balai Polis itu turut runtuh kerana letak Balai Polis itu ia-lah di-Jalan Canal. Jalan Canal itu kita tahu bahawa dahulu-nya sungai di-tempat itu. Jadi saya fikir kerana di-sini tidak ada nampak peruntukan bagi mengubah Balai Polis ini, walhal-nya tapak Balai Polis dan tanah telah di-sediakan. Maka untuk hendak membena bangunan rumah polis ini belum lagi nampak kelihatan. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bilakah masa-nya agak yang Balai Polis baru dapat di-bena di-Telok Anson ini

dan bagitu juga berek polis yang duduk di-tengah² Bandar Telok Anson ini yang mana tidak menasabah lagi-lah di-tengah² bandar ada Balai Polis yang orang-nya bagitu ramai sa-kali dan berek Polis ini pula ia-lah berek polis lama kalau hendak pergi mandi, hendak pergi buang ayer, maka anak bini mereka itu nampak kelihatan tak berbaju dan sa-bagai-nya yang saya rasa tidak-lah ada baik-nya lagi berek polis itu di-letakkan di-situ dan wajib-lah Kerajaan mengubah berek polis itu ka-tempat yang di-sediakan.

Saya juga terima kaseh kerana sudah ada sa-bahagian daripada berek polis itu telah di-robuhkan dan di-bena semula di-tempat yang baru ini, tetapi ini depan bus station yang kelim-kabut orang bagitu ramai. Saya rasa patut-lah dengan segera di-ubah berek polis ini daripada tempat itu.

Satu lagi yang saya suka hendak berchakap di-sini ia-lah dalam Pechahan-kepala 16, Charuman terhadap memperbaiki Dewan Bandaran Ipoh. Ipoh ia-lah Ibu Kota negeri Perak itu. Jadi nampak-nya lain² bangunan yang indah telah pun di-buat oleh Kerajaan Negeri saperti membena bangunan Secretariat, Jabatan Setia-usaha Kerajaan yang baru, Masjid Negeri dan sa-bagai-nya, tetapi tidak-lah lengkap sa-kira-nya Kota Ipoh itu tidak ada mempunyai Dewan Bandaran-nya sendiri. Dahulu Dewan Bandaran ini di-pinjamkan kepada Polis dan nampak-nya Polis barangkali telah pun menolakkan balek atau pun memulangkan balek Dewan Bandaran itu kepada pehak yang berkuasa dan dahulu tahun sudah nampak-nya ada peruntukan untuk memperbaiki Dewan ini dan saya anggap Dewan ini di-serahkan kepada sama ada kepada Municipal, Perbandaran Ipoh, atau kepada Kerajaan Perak sendiri, saya kurang faham-lah tentang perkara ini. Walau bagaimana pun saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kepada siapa-kah Dewan Bandaran ini di-serahkan balek sama ada kepada Municipal atau pun kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, yang sa-benar-nya bangunan Dewan ini telah di-gunakan oleh pehak Polis beberapa lama dan sa-lepas bangunan baru di-dapati untuk pehak Polis, bangunan lama itu di-beri balek kepada Municipality dan Municipality telah mengadakan pindaan, perubahan terhadap bahagian rumah yang di-gunakan oleh Polis dan kena-lah pada tempat-nya bagi Polis mengganti bersama² dengan Municipality membelanjakan pembenaan perubahan yang di-buat kepada bahagian rumah yang di-gunakan oleh pehak Polis tetapi bangunan ini di-serahkan balek kepada Municipality.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kaseh-lah dan saya tutup-lah ucapan saya ini dengan ucapan terima kaseh kepada Tuan Pengerusi sendiri.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, satu perkara sahaja, Kepala 115 Pechahan-kepala 15, Padang Tembak Polis. Bagaimana kita semua tahu bahawa dari zaman penjajah dahulu kawasan² Padang Tembak Polis sudah pun sedia ada dan kebanyakan kawasan² Padang Tembak itu dudok-nya berhampiran dengan bandar² di-merata² tempat dalam negeri kita ini. Pada masa sekarang nampak saya ada sa-tengah² padang tembak itu tidak-lah sesuai tempat-nya di-tempat² yang ada sekarang ini dan ada kala-nya padang² ini tidak di-gunakan lagi. Selalu saya dapati tempat² padang tembak yang tidak di-gunakan itu di-zaman pembangunan ini boleh di-gunakan untuk keperluan yang lain saperti buat padang² permainan atau pun lain² keperluan pembangunan tetapi selalu kedapatan pehak Polis tidak dapat menyerahkan tanah² itu walau pun tempat² itu tidak berguna dan sesuai lagi.

Saya menchadangkan supaya Kementerian ini dapat mengkaji sa-mula padang² tembak ini supaya mana² yang tidak di-gunakan lagi di-serahkan kembali kepada Kerajaan Negeri atau pun mana² yang tidak sesuai di-aleh

kapada tempat² yang lebeh sesuai sama ada di-luar kawasan bandaran atau pun di-bukit² yang jauh.

Tuan Senawi bin Ismail (Seberang Selatan): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mohon untuk memberi pandangan atas satu dua perkara sahaja terutama sa-kali Pechahan-kepala 4 berkenaan dengan Pondok² Polis.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya tidak ketinggalan menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Kement-erian ini kerana telah membangunkan dengan beberapa banyak-nya ia-itu rumah² Polis, dan juga Balai² Polis di-dalam Malaysia kita pada hari ini. Sunggoh pun begitu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan ia-itu bagi kawasan saya ia-itu Sungai Acheh, Sungai Acheh pendudok²-nya lebeh kurang ada orang Melayu kita 4,000 orang lebeh, dan orang² China 3,000 orang lebeh terdiri daripada penanam² padi dan juga nelayan² di-Kuala Krian.

Tuan Pengerusi, di-dalam tahun 1968 sudah berbangkit perkara² yang tidak di-ingini yang berlaku ia-itu di-antara orang² China dengan orang Melayu menjadi satu pergadohan yang besar. Tetapi dengan kejayaan Polis dengan begitu giat-nya kita dapat memadam-kan pergadohan² yang tidak di-ingini itu. Sa-lain daripada itu, Tuan Penge-rusi, ada berbangkit masa sa-orang lama kita yang mana kita semua keta-hui perkara yang tidak di-sangka², jadi di-tempat ini-lah sudah menjadi tumpah darah dengan tidak ada satu keputusan yang mana sudah mengur-bankan tiga empat nyawa yang mati di-tempat itu berkenaan dengan hal ini. Jadi dengan ini-lah saya merayu kapada Kementerian ini di-tempat yang tersebut dengan sebab jauh dari-pada Balai Polis Besar, lebeh kurang 8 batu, patut-lah di-adakan sa-buah Balai Polis Kechil untuk kita menjaga keamanan bagi daerah² di-tempat yang saya sebutkan itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya bawa berkenaan dengan Ibu Pejabat Balai Polis Daerah Nibong Tebal. Saya terima kaseh kapada Ke-menterian ini lagi sa-kali kerana di-Daerah ini juga akan di-bena rumah²,

Balai² Polis bagi anggota² jawatan yang rendah tetapi bagi Balai Polis yang besar, Tuan Pengerusi, kerana di-situ satu masa ka-satu masa ayer telah melempah naik di-Balai Polis. Jadi tidak-lah sesuai lagi pada masa ini kita menggunakan tempat yang begitu rupa kerana Balai Polis itu saya pandang sudah sangat uzor, Tuan Pengerusi, tiap² tahun bagi pehak J.K.R. akan men-ampong sana dan di-sokong di-sini. Jadi saya harap kapada Kementerian ini supaya dapat mengubah satu tempat yang lebeh sesuai supaya keadaan kita saperti ayer yang di-sini kita dapat jauhkan. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, Kepala 115 Polis di-Raja Malaysia. Sa-belum saya masok kapada Pechahan-kepala 4 dan 5 saya suka meng-uchapkan tanih kapada Polis di-Raja Malaysia kerana peranan yang penting yang di-ambil-nya dalam menjaga keamanan negara kita.

Saya hanya hendak menchelah sadi-kit sahaja dalam bahagian ini ia-itu maseh saya rasa dukachita kerana nasib sa-bagai sa-orang kakitangan Polis kira-nya ketika mereka ini bertugas dan dapat kemalangan ada sa-tengah²-nya meninggal dunia maka penilaian atau bantuan yang di-beri kapada pegawai² kita yang begitu tidak-lah sa-padan dengan keadaan-nya. Lebeh² lagi saya minta supaya Menteri Dalam Negeri dapat menyusun bahawa jaminan untuk anak² mereka yang maseh ada itu di-tentukan daripada sekarang kerana kita dapati berapa banyak yang kita dengar berita² bahawa anak² mereka yang tinggal sa-telah mereka menunaikan kewajipan kapada negara dan gugor dalam perjuangan atau lain² maka anak-nya ini akan menantikan ma-cham kata pepatah: anak ayam kehi-langan ibu. Tidak ada tempat hendak bergantung. Jadi tidak ada susunan yang betul yang dapat kita hendak tanggung mereka ini supaya tidak-lah menjadi berita² itu keluar dengan banyak-nya pada masa akan datang.

Masok saya kapada Pechahan-kepala 4 dan 5. Saya nampak perkara mem-baiki Balai² Polis atau pun Pondok²

Polis ini, saya tidak tahu di-mana tempat yang hendak di-buat ini tetapi ada sa-tengah hendak-lah kita faham Pondok² Polis ini di-sewa rumah² yang lapok. Dalam kawasan saya ada perkara ini di-buat. Jadi perkara ini patut di-dahulukan daripada kita membuat Pondok² Polis atau Balai² Polis kecil di-tempat lain sebab kedudukan dan keselamatan bagi pehak pegawai² kita yang bertugas pada tempat² yang kecil begitu. Saya rasa tentu-lah tidak terjamin maruah pehak pegawai yang menjaga keamanan kita tentu-lah di-pandang rendah.

Kemudian masuk saya dalam perkara quarters atau pun tempat tinggal Polis di-daerah saya. Saya nampak tidak ada gerakan yang hendak membaharui tempat² tinggal Polis terutama sa-kali Polis Daerah Alor Gajah. Saya pernah singgah kerana di-pelawa singgah berchakap² dengan pegawai² ini dan saya masuk juga di-rumah pegawai² kecil hendak duduk di-sengkuap-nya itu, di-beranda. Saya rasa dua orang sahaja adap beradap kita terpaksa bersandar ka-dinding. Jadi ini perkara rasa saya patut di-utamakan kerana pusat di-tiap² daerah menjadi contoh dan menjadi tempat kumpulan ramai Polis² kita berjaga. Jadi ini patut di-gerakkan dengan cepat. Sa-lain daripada itu kalau mithal-nya di-tempat² yang kecil umpama-nya di-Masjid Tanah, di-Pulau Sebang dan lain² tidak-kah boleh bagi pehak Kementerian ini membuat bilek di-dalam sama ada dengan chara screen atau pun di-buat chara papan sahaja dinding tambahan kerana kebanyakan pegawai² polis kita walau pun dia berpangkat rendah yang ada itu sa-tengah-nya tua².

Jadi kalau tidak ada bilek chuma satu tempat sahaja di-situ anak²-nya yang ada sudah besar², satu tempat mereka itu berehat, saya rasa tentu-lah kurang manis dan ini-lah yang merunsingkan pehak kaki-tangan Jabatan Polis ini di-dalam keadaan nasib mereka. Jadi saya harap dapat timbangan daripada Menteri yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head 116, Immigration.

Referring to this Head 116, Immigration, Sir, I notice that there are provisions allocated only for West Malaysia and Sabah for the construction of Immigration Offices and quarters, but I regret to say that there is no provision for Sarawak in these Estimates. Sir, at the present moment, Sarawak's Immigration Department has to rent a building for its office. According to the Estimates of Operating Expenditures, 1969 under Head B. 30, Sub-head 13, we find that the amount of annual rent is \$25,800 and so it is too expensive for the Government to rent such a building for the use of the Immigration Office. Therefore, Sir, I suggest that it is better for the Central Government to consider as soon as possible constructing a building for the Immigration Office in Sarawak instead of renting a building from the public, so that in the long run we can save a lot of money.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan menguchapkan terima kasih atas peluang yang telah di-beri kepada saya berchakap pada pagi ini, terutama sa-kali saya suka mengambil kesempatan menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini terutama sa-kali dalam Kepala²-kecil Membena Balai² Polis dan juga Membena Rumah² Anggota Polis. Ini memang-lah amat di-alu²-kan kerana kita sedia ma'alum dan faham bahawa terutama sa-kali macham di-Ibu Kota ini banyak anggota² polis kita tiada rumah tempat tinggal dan terpaksa menyewa bilek² sempit yang tiada menyenangkan. Begitu juga saya mengambil kesempatan menguchapkan satinggi² tahniah dan terima kasih di-atas pembenaan balai² polis yang saya rasa dan perchaya bahawa pembenaan balai² polis itu ada-lah termasuk juga dalam negeri saya ia-itu dalam negeri Perlis. Perlis ada-lah sa-buah negeri walau pun kecil yang sekarang ini Ibu Pejabat Polis-nya berchantum dengan Kedah ia-itu Pejabat Polis Kedah dan Perlis. Sungguh pun keadaan perjalanan pemerintahan-nya berjalan dengan baik, terator dan rapi tetapi bagi menjaga maruah negeri Perlis maka negeri Perlis harus-lah mempunyai sa-buah

headquarters-nya yang berasingan dengan negeri Kedah pada masa yang hadapan, kerana Perlis ada-lah sa-buah negeri yang di-utara sa-kali dan boleh di-katakan negeri yang penting di-dalam menjaga keamanan dan keselamatan terutama sa-kali dalam masa gerakan² subversive berjalan dan gerakan² komunis di-sempadan berjalan dengan pesat. Jadi, itu-lah saya suarakan supaya dapat timbangan pehak yang berkenaan supaya pada masa hadapan di-adakan Ibu Pejabat Polis yang berasingan dengan negeri Kedah.

Sa-lain daripada itu saya juga meng-alu²kan pembenaan balai² polis kecil yang mana di-tempat saya banyak lagi Pejabat Polis yang maseh lapok yang belum dapat perhatian terutama sa-kali di-Padang Besar, Mata Ayer, Simpang Empat dan lain² tempat lagi dalam negeri Perlis. Saya minta dengan peruntukan yang ada ini supaya pehak Kementerian yang berkenaan akan membuat penyiasatan yang rapi dan pembenaan-nya hendak-lah di-lakukan dengan sa-berapa segera yang boleh.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap juga berhubung dengan perhubungan radio polis dan alat² kelengkapan moden kepada pegawai² polis. Ini amat-lah di-alu²kan terutama sa-kali bagi pehak negeri Perlis di-kawasan utara daerah Padang Besar dan juga kawasan selatan daerah Kuala Perlis yang selalu berlaku gerakan² sempadan terutama sa-kali macham di-Kuala Perlis penjahat² dan lanun² daripada pehak negeri jiran dan juga di-daerah Padang Besar yang selalu berlaku penyeludupan dan sa-bagai-nya.

Dan sa-lain daripada itu Kepala 116 Pechahan-kepala 5—Tempat Pemereksaan Imigresen, Padang Besar. Ini amat-lah di-alu²kan kerana pehak Kementerian ini sedia ma'alum bahawa Padang Besar sekarang ini ia-lah tempat tumpuan bagi seluroh ra'ayat Malaysia ini terutama sa-kali di-utara Malaysia yang selalu melanchong ka-Padang Besar. Sa-panjang pengetahuan saya bukan sahaja pelanchong² itu bertujuan untuk melawat atau bersuka² sahaja di-sebelah Padang Besar sana tetapi ada juga yang mempunyai tujuan

yang lain ia-itu tujuan membeli barang² yang tidak di-ingini umpama-nya menyeludupkan senjata api, menyeludup gambar luchah—blue film, menyeludupkan gambar² luchah ka-Malaysia ini untuk di-perdagangkan di-sini. Saya tidak-lah menitek beratkan soal² itu sangat tetapi saya suka menitek beratkan sangat ia-lah soal² penyeludupan berhubung dengan senjata api. Sa-panjang penyiasatan saya bahawa Padang Besar tidak pernah berlaku sa-barang pergadohan atau gerakan subversive chara berterus terang, kerana mengikut penyiasatan saya bahawa di-Padang Besar itu kawasan yang senang sa-kali mendapat bahan makanan. Kalau sa-kira-nya pergadohan² itu berlaku di-Padang Besar, maka hilang-lah sumber kehidupan mereka itu bagi pehak gerakan² subversive sa-macham ini. Ini-lah yang saya suka merayu kepada pehak yang berkenaan supaya kawalan imigresen, kawalan kastam dan kawalan polis harus-lah di-lengkapkan dengan sa-lengkap²-nya kerana apa yang saya tahu yang saya dapati sekarang ini sa-lepas sahaja pukul 12.00 tengah malam keadaan di-kawasan Kastam, Imigresen dan Polis sunyi sepi dan lengang dan boleh di-lalui oleh siapa juga pun bukan sahaja orang² yang saya katakan tadi untuk bersuka² di-sabelah Padang Besar tetapi juga orang² yang bertujuan jahat untuk menghanchorkan keamanan dan keselamatan dalam negeri kita ini. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, dan di-ucapkan terima kasih.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Pejabat Polis dan Imigresen dan di-sini saya mengambil peluang memberi jawapan dan penjelasan sa-chara ringkas

Tuan Pengerusi: Penjelasan yang pendek-lah.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: yang pendek terhadap perkara² yang di-bangkitkan di-dalam perbahathan ini. Ahli² Yang Berhormat

banyak membangkitkan perkara berkenaan dengan berek² tempat kediaman pegawai² polis. Di-sini tidak payah-lah saya memberi kenyataan yang lebeh panjang. Saya telah nyatakan di-dalam masa mengemukakan belanjawan ini yang 60 peratus daripada wang yang telah di-bagikan—peruntukan dalam anggaran ini—akan di-gunakan samata² untuk memperelokkan dan membenakan tempat² kediaman pegawai² polis khas-nya pehak² polis yang berpangkat rendah. Jadi,

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, adakah peruntukan itu termasuk apa yang saya chakapkan dahulu berkenaan dengan rumah pegawai² polis yang di-sewa sekarang ini di-Kuala Lumpur? Ada-kah termasuk ranchangan itu hendak membuat satu rumah khas bagi pasokan² pegawai polis dan tidak di-sewa lagi?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Memang ada, Tuan Pengerusi, ranchangan bagi kita mengadakan kemudahan² bagi pegawai² polis mempunyai rumah-nya sendiri dengan tidak lagi di-kehendaki mereka menyewa rumah² di-dalam bandar tetapi wang yang di-untukkan, saya kata, sa-banyak 60% daripada anggaran ini ada-lah sa-mata² akan di-tumpukan untuk mendirikan rumah² berek untuk pegawai² yang berpangkat rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis, telah membangkitkan soal senjata polis yang di-katakan telah lapok tidak selamat lagi di-gunakan. Di-sini saya suka-lah menyatakan tiap² senjata api yang di-berikan kepada anggota polis ada-lah di-pereksa dan di-sahkan layak di-gunakan oleh "Force Armament Officer" yang mahir dalam selok-belok senjata api, senjata² api lama di-gantikan dengan yang baharu. Ini ada-lah di-lakukan dengan chara berperengkat. Jika dasar ini tidak di-ambil Kerajaan akan mengalami kerugian yang besar dengan membadzirkan perbelanjaan bagi menggantikan senjata² yang maseh layak di-gunakan lagi. Di-samping itu anggota² polis dalam menjalankan tugas biasa dalam keadaan masa ini tidak memerlukan senjata api yang sophisticated—penumpuan ada-

lah di-beri lagi memperalatkan pasokan polis hutan sahaja.

Yang Berhormat wakil dari Lipis juga telah membangkitkan perkara berkenaan Pechahan-kepala 63, menyatakan banyak anggota² polis yang menggunakan senjata yang lama mithal-nya rifle .303 dan carbine yang di-fikirkan patut di-ganti dengan senjata² yang modern sunggoh pun, Tuan Pengerusi, rifle .303 No. 5 yang di-gunakan sekarang ini tidak lagi di-anggap moden tetapi dari segi teknikal di-dapati baik lagi selamat rifle ini dan ada dalam simpanan pasokan polis bagi kegunaan biasa dalam general duty ya'ani apabila menjalankan guard atau Duty² Guard atau eskot jika pistol .38 di-fikirkan kurang memuaskan dalam kerja² saperti itu. Rifle ini dalam kerja saperti ini ada-lah di-fikirkan lebeh sesuai lagi. Bagi kerja operasi pula pasokan polis menggunakan rifle jenis SLR 7.62 MN ia-itu senjata yang moden. Dalam kerja² saperti ini juga sa-tengah² anggota di-lengkapkan dengan senjata jenis sterling sub-machine-gun 9 millimeter. Kedua² jenis senjata itu ada-lah bertujuan menggantikan senjata jenis carbine yang dahulu di-gunakan oleh pasokan polis. Ini bukan-lah di-anggap bahawa carbine itu tidak baik bahkan ada-lah di-fikirkan jenis senjata yang selamat juga. Akan tetapi jenis sterling itu ada-lah jenis moden ada lebeh sesuai dengan kerja² operasi.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan kata-nya berek² polis di-Benta itu mempunyai dapor² dan rumah²-nya berasingan dan tidak ada beratap antara dapor dengan rumah. Ini menyebabkan, kata-nya, kesukaran pada hari hujan apabila keluarga itu hendak ka-dapor masing². Juga kata-nya chat-nya hitam dan Ahli Yang Berhormat itu meminta di-gantikan dengan chat warna yang lain dari yang hitam. Tuan Pengerusi, rumah² di-sini ada-lah benaan sa-belum perang dunia yang kedua maseh banyak lagi di-gunakan di-serata Malaysia. Tetapi oleh kerana kesulitan wang, maka tidak-lah dapat di-gantikan kesemua rumah² jenis itu dalam masa yang singkat. Sunggoh pun demikian rumah² saperti itu sedang beransor², sa-bagai-mana saya katakan tadi, di-gantikan

dengan jenis yang kekal lagi moden. Tentang chat yang hitam di-gunakan itu perkara ini akan saya ambil perhatian.

Berkenaan keraguan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa rumah² polis di-kawasan-nya mempunyai satu pintu sahaja. Kementerian ini sadar ini ada-lah tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat dari Bachok. Kementerian ini sadar bahawa jenis rumah polis yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu memang banyak lagi ada bukan sahaja di-kawasan-nya bahkan di-merata² Malaysia juga. Biasa-nya rumah² yang mempunyai satu pintu itu ada-lah kerana mempunyai satu tangga hadapan sahaja, jadi tidak-lah patut di-buat satu pintu lagi di-belakang-nya kerana apa yang ada di-dalam bilek rumah itu mungkin boleh nampak terus menerus jika pintu² di-tambah. Masaalah kebajikan anggota polis yang di-bangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sentiasa didalam perhatian Kementerian. Sungguh pun demikian 'am-nya rumah² jenis ini hanya menunggu wang sahaja untuk di-ganti dengan jenis moden kelak. Mana² yang dapat dan keadaan wang membenarkan rumah² jenis yang elok, yang lebih moden, akan di-dirikan.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga telah membangkitkan perkara anjing sa-bagaimana yang saya dengar telah di-bangkitkan juga di-meshuarat Dewan ini di-mana² yang lepas. Anjing² yang hendak di-perolehi itu ada-lah untuk khas membantu dalam kerja² pengintipan jenayah (crime detection). Pengalamanan² pasokan anjing di-lain² negeri menunjukkan bahawa bukan sa-barang anjing boleh membuat tugas² seperti itu malahan sukar di-perolehi. Jenis yang biasa di-gunakan ia-lah German Sheppard dan hendak-lah mempunyai bakat² yang tertentu. Malahan latehan² bagi anjing² itu mengambil masa yang lama sa-belum di-anggap sesuai dan terlatih. Jenis German Sheppard ini yang mempunyai kesesuaian kerja pengintipan jenayah itu belum ada-lah peternakan-nya di-negeri kita ini. Oleh itu terpaksa di-import, di-bawa dari negeri Eropah. Ada-lah di-anggarkan belanja membeli

hingga sampai ka-negeri ini bagi sa-ekor anjing itu ada-lah seperti berikut: Harga-nya sa-ekor bukan \$6,000 seperti yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu tetapi chuma \$860. Lesen import-nya \$500. Belanja, tambang, makan dan lain²-nya dalam perjalanannya \$380.00 dan Veterinary inspection fees \$10.00. Jumlah harga sa-ekor termasuk perbelanjaan ini semua ia-lah \$1,255.00. Harga ini tidak termasuk perkakas² yang di-kehendaki untuk kegunaan bagi melatah anjing² itu dan kadang² menyediakan tempat kediaman-nya. Peruntukan ini ada-lah di-fikirkan perlu, tinggal lagi kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat memikirkan ada anjing yang sa-macam ini di-Kelantan sila beri tahu Kementerian barangkali kita boleh beli dengan lebih murah lagi daripada yang kita beli dari Eropah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Di-Kelantan boleh beli.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:
Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam telah menyatakan ada rumah yang bertingkat² susah bagi di-gunakan oleh orang² yang di-tempatkan di-situ. Ini, Tuan Pengerusi, ada sukar di-atasi oleh kerana di-setengah² tempat masaalah tanah ini ada-lah satu masaalah yang biasa-nya susah di-atasi oleh pehak polis dan pehak Kementerian.

Yang Berhormat dari Lipis juga membangkitkan perkara sama ada boleh di-adakan asrama untuk anak² polis yang sentiasa di-tugaskan dari satu masa ka-satu masa dan bertanya apa-kah langkah yang di-ambil oleh Kementerian ini dan oleh polis bagi menguntukkan tempat di-hostel² bagi anak² polis ini. Jawab-nya, Tuan Pengerusi, ada-lah menjadi satu dasar dalam pasokan polis bahawa tiap² pertukaran yang di-buat atas anggota²-nya daripada satu tempat ka-satu tempat, kajian yang halus di-buat dari beberapa segi satu daripada-nya ia-lah di-beri keutamaan perkara berkaitan dengan persekolahan anak² mereka. Jika mereka dapati ada banyak anak yang bersekolah dan pertukaran boleh memberi kesusahan bagi mereka maka tidak di-tukarkan. Jika anak² ini ada dalam tingkatan tinggi dalam persekolahan

di-waktu mana bapa mereka terpaksa di-tukarkan lazim-nya pegawai² pemerintah memberi segala bantuan dan sokongan untuk menempatkan anak² itu ka-dalam asrama atau pun hostel² di-sekolah² yang berkenaan. Tempat ini tidak-lah mudah di-dapati, bagaimana pun pihak polis telah menjalankan ikhtiar-nya sendiri untuk mengadakan asrama bagi pihak² polis di-beberapa tempat di-Semenanjung Tanah Melayu ini seperti asrama anak² polis di-pusat latehan dan asrama anak² polis di-Kuala Kerai, Tanah Merah, Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah juga menhadangkan supaya diadakan satu Sekolah Khas untuk Pegawai Wanita Polis. Ini ada-lah chadangan yang saya fikir elok, tetapi saya berpendapat oleh kerana bilangan Ahli² Polis Wanita sekarang ini tidak begitu ramai maka tidak perlu kita mengadakan satu Sekolah Khas Latehan bagi pihak² Pegawai Polis Wanita, tetapi dalam pada itu apabila bilangan pegawai ini bertambah dan kedudukan kewangan kita ada-lah bertambah² baik, barangkali harus soal mengadakan satu latehan khas bagi Polis Wanita ini akan di-timbangan.

Ada juga soalan di-buat berkenaan dengan Pechahan-kepala 64 anggaran bagi Membeli Kereta² Motor (Vehicles) untuk keselamatan. Ini ada-lah perbelanjaan yang di-pinta pada tiap² tahun. Perbelanjaan di-bawah ini ada-lah yang sa-benar-nya perbelanjaan bagi membeli kereta² baharu, oleh kerana bertambah besar-nya Pasokan² Polis kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat juga ada menyebutkan berkenaan dengan keruntohan, atau pun merbahaya keruntohan barek polis, atau pun balai polis, bangunan polis di-Bagan Datoh. Saya suka menyatakan di-sini bahawa pihak polis ada-lah sedang menyiasat di-atas perkara ini.

Tuan Mohamed Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Untuk penjelasan. Bukan Bagan Datoh—Telok Datoh.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Terima kaseh. Perkara ini ada-lah di-dalam perhatian polis dan berharap

tindakan yang sa-wajar-nya akan diambil dengan sa-chepat mungkin.

Untuk menjawab tegoran Ahli dari Bachok tentang penembakan kereta oleh polis itu tadi, perkara ini akan saya siasat, tetapi saya berpendapat tentu ada sebab² yang menasabah maka kereta ini di-tembak, kerana mengikut peraturan² (regulations) yang termaktub di-dalam Undang² Polis, kegunaan senjata untuk menahan sa-saorang, atau pun menahan sa-suatu kereta yang berjalan di-atas jalan raya, chuma boleh di-gunakan di-dalam satu² peristiwa yang tertentu, tetapi saya akan menyiasat lebih panjang lagi di-atas perkara ini dan akan memberitahu Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Pihak Ahli dari Melaka Selatan telah menhadangkan supaya Pegawai² Immigration di-tempatkan berdekatan dengan pejabat²-nya. Ini ada-lah satu chadangan yang elok, yang baik, tetapi pada prinsip-nya saya suka-lah menyatakan semua rumah² kediaman bagi Pegawai² Immigration sentiasa di-beri, atau di-bena dengan sa-beberapa dekat dengan pejabat yang boleh ada kemudahan mereka, tetapi malang-nya prinsip ini tidak biasa-nya dapat di-laksanakan sa-kali sa-kala, oleh sebab kekurangan tanah sa-bagaimana yang saya katakan tadi pada tahun 1960 manakala rumah² kediaman di-Melaka itu di-bena bagi Pegawai² Jabatan Immigration, Jabatan Immigration tidak berjaya mendapatkan tapak tanah supaya di-bena rumah² pegawai supaya berdekatan dengan pejabat² mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis membangkitkan berkenaan dengan pedang yang di-katakan chuma ada dua di-dalam Pahang dan perbelanjaan kata-nya yang terkena kerana datang pegawai ka-sini membawa balek pedang² ini ka-Pahang. Di-sini saya suka-lah menyatakan di-sini di-dalam negeri Pahang ada tiga pedang yang sa-macam ini yang sentiasa di-letakkan di-Ibu Pejabat Polis di-Kuantan untuk kegunaan Pegawai² Polis yang kanan. Apabila lebih banyak lagi pedang yang macham ini di-kehendaki oleh pegawai², maka pedang² ini ada-lah di-pinta daripada Pusat Bekalan

Polis, atau pun Central Police Store di-Kuala Lumpur melalui polis² transport yang biasa-nya berulang alek daripada negeri Pahang dengan Kuala Lumpur untuk tugas² yang biasa di-jalankan dan mengambil pedang ini di-Kuala Lumpur tidak-lah akan mengenakan perbelanjaan yang lain.

Berkenaan dengan selepang kata Ahli Yang Berhormat itu juga semua pegawai² yang berpangkat A.S.P. dan ka-atas patut di-beri selepang. Ini telah pun di-beri selepang dan Pasokan Polis juga telah memberi selepang ini kepada semua pegawai² kanan termasuk Inspector daripada bulan July 1968 dan langkah telah dan akan di-ambil juga untuk memperolehi lebeh banyak lagi selepang² ini untuk kegunaan lebeh ramai lagi pegawai².

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara bertanya mengapa tidak ada tanda² bahawa rumah dan balai di-Alor Gajah di-bena dengan baharu. Tuan Pengerusi, saya suka mema'alumkan bahawa ranchangan tahun 1969 ini termasuk menggantikan rumah polis dengan rumah² modern di-Alor Gajah, urusan² membuat plan, tapak, maseh di-selenggarakan dan di-jangka kerja² dapat di-mulakan dalam tahun ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat telah membangkitkan perkara berkenaan dengan Balai Polis di-Sungai Manggis, kawasan Sungai Manggis. Saya suka-lah menyatakan di-sini ranchangan ini telah di-luluskan dengan di-adakan anggaran-nya bagi tahun antara tahun 1966 sampai tahun 1967 tetapi oleh kerana kekurangan wang, perkara ini chuma di-luluskan dengan sa-chara prinsip sahaja.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Ada sedikit lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan ranchangan pembenaan di-Perlis. Dalam perkara ini ada satu ranchangan di-Perlis dapat di-jalankan, ia-itu di-Arau sa-buah Balai Polis besar yang modern telah di-dirikan dengan 17 buah rumah Anggota Polis telah di-adakan di-sana.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan menchadangkan supaya di-adakan sa-buah Balai Polis di-Sungai

Acheh; ketika ini oleh sebab kekurangan wang, maka tidak dapat-lah pehak polis kita membena banyak balai² sa-bagaimana yang di-kehendaki, bagaimana pun perkara yang telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan di-ambil perhatian dan akan di-beri pertimbangan apabila kedudukan kewangan kita bertambah baik.

Berkenaan dengan masaalah kawasan Padang Tembak yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, saya suka-lah mema'alumkan jikalau ada Padang Tembak itu di-fikirkan kedudukan-nya tidak selamat, maka pada biasa-nya Padang Tembak itu di-tutup. Tentang chadangan menolong, memulangkan tanah Padang Tembak balek kepada Kerajaan Negeri, maka soal ini akan di-timbangkan apabila terbit sa-suatu permohonan dan akan di-timbangkan atas kelayakan sa-suatu permohonan itu. Tetapi sa-balek-nya pula pada masa ini pehak Polis maseh lagi kekurangan tapak², bidang² tanah untuk kegunaan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh telah menyebutkan berkenaan dengan Balai² Polis. Tentang ini saya suka-lah menyatakan bahawa sa-bagaimana saya katakan tadi, ranchangan telah di-adakan, di-mulakan, untuk mengadakan banyak² lagi, lebeh² banyak lagi berek² polis yang modern di-kawasan Ahli Yang Berhormat itu.

Jadi sekian-lah sahaja penjelasan jawapan saya, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$28,700,000 untuk Kepala 115 dan \$626,010 untuk Kepala 116 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala 117—

Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri (Tuan Chen Wing Sum) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move that a sum of \$106,007,190 appearing under Head 117, Malaysian Armed Forces, be approved.

Mr Chairman, Sir, if a comparison is made between the sum asked for this year and the sum approved last year

for the Development Estimates of the Malaysian Armed Forces, it will be noted that this year the allocation has been reduced by nearly \$19 million. Honourable Members will recall that a sum of \$125 million was approved by the Dewan for expenditure under Head 117—Malaysian Armed Forces last year. This year's expenditure is in keeping with the Government's overall plan to prune down public expenditure in view of the prevailing financial position in this country. Although our Armed Forces have and are playing a very important part in maintaining the security of this country and need to have their requirements fulfilled, it is still necessary that expenditure on defence should be cut down to the minimum, so that other development projects which are vital to our national development can be carried out. Most of the \$106 million would be used to pay for projects which have already been started last year and to meet contractual liabilities incurred previously. Therefore, Mr Chairman, Sir, it can clearly be seen that in terms of new projects the Malaysian Armed Forces will only be utilising a comparatively small percentage of the total Government Development Expenditure for 1969.

Mr Chairman, Sir, in outlining the Armed Forces Development for this year, I shall also be briefly reviewing the process achieved last year. The Army expansion programme for 1968 was in line with the Government's "austerity drive" and was limited to essential projects.

The new Divisional Headquarters for West Malaysia were formed and the post of Director of Operations (West Malaysia) was created. Honourable Members are well aware that communist activities are being intensified especially in the Malaysia-Thai border area. It is hoped that with the creation of this new Divisional Headquarters, the Armed Forces would be better organised to deal with the communist threat. Some supporting units were formed while other units were expanded to cater for this new Divisional Headquarters. This includes the Signal Regiment and the Field Ambulance.

As far as the Navy is concerned, considerable progress has been achieved in its expansion programme. The construction of the new frigate, the K.D. Hang Jebat is well in progress and is expected to be completed this year. All the 14 patrol craft that were ordered in 1965 have now been delivered and are in operation. The four fast patrol boats have also been commissioned and are now in service. A Clearance Diving Team has also been formed and trained. A sum of \$1 million has been set aside in this year's Estimates for the purchase of a Diving/Tender/Torpedo recovery vessel. A sum of about \$300,000 has also been provided to purchase equipment for the Clearance Diving Team.

During 1968 the RMAF took delivery of six Tebuan strike aircraft and 10 Sikorsky helicopters. With the acquiring of these additional aircraft, the R.M.A.F. has been able to carry out its task more fully, especially in providing logistic air support and mobility to our troops operating in areas where any other form of transportation is virtually impossible. This is especially so in East Malaysia and also in the Malaysia-Thai border areas. This year, the Air Force will be taking delivery of 2 Alouette helicopters and 9 Caribou aircraft, the orders for which were placed in 1968. A sum of \$25.8 million has been set aside under Sub-head 27 as payment for these aircraft. A sum of \$0.83 million has also been allocated for this year under Sub-head 28 to provide for Communication Equipment for the RMAF bases. Another sum of \$1 million has also been set aside as down-payment for the purchase of two medium range transport aircraft.

Mr Chairman, Sir, Sub-heads 1 to 14 comprise expenditure which the Ministry plans to incur this year for accommodation purposes. The importance of accommodation to the Armed Forces cannot be over emphasised. However, it is essential that our troops be properly housed and stationed, so that they can operate with maximum efficiency. For this purpose, a total sum of \$26,813,782 has been allocated for this year.

I would like to draw Honourable Members' attention to Sub-head 14—Rehabilitation of ex-British Camps. This is a new Sub-head. Funds under this Sub-head will be utilised to rehabilitate ex-British Camps taken over by our Armed Forces consequent upon the British withdrawal from this country. A sum of \$74,450 has been provided this year, and it will be used to modify these camps to suit the needs and requirements of our Armed Forces. It is anticipated that with the taking-over of ex-British Camps considerable savings will be realised in our long term accommodation plans.

Mr Chairman, Sir, I beg to move.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang di-minta bagi Kementerian Pertahanan. Di-dalam Kepala-kecil 27, ada di-sebutkan tentang peruntukan \$25.8 million daripada pembelian kapal² terbang.

Tuan Pengerusi, perkara yang hangat di-bincangkan sekarang ia-lah soal pembelian kapal² terbang jet pejuang yang di-chadangkan akan di-beli oleh kita bagi memenuhi kekosongan pertahanan udara sa-lepas pengundoran tentera British dan bagi memenuhi keperluan pertanian kita sendiri. Perkara yang di-timbulkan sekarang ia-lah sedikit pertelingkahan tentang apa-kah jenis kapal terbang yang hendak kita beli dan sa-bagaimana kita ma'alum pehak British telah menawarkan kapal terbang *Hunter* yang telah out-moded dan juga oleh sebab itu kita berchadang hendak membeli kapal terbang *Mirage* daripada negeri Peranchis dan pershaitan-lah sahaja sama British dan tentera dolak-dalek-nya.

Tetapi, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menchadangkan supaya kita tidak hanya menghadkan pertimbangan kita dalam membeli kapal terbang ini kepada kapal terbang buatan British, atau Peranchis, atau Canada sahaja. Saya suka menchadangkan supaya kita mengadakan kajian yang penoh kepada jenis² kapal terbang daripada luar negeri yang patut kita dapat dan patut kita beli. Saya suka menchadangkan

supaya pehak Kerajaan kita menimbangkan juga dan mengkaji kemungkinan membeli kapal terbang MIG daripada Soviet Union. Barangkali kapal terbang MIG ini ada lebeh handal daripada jenis kapal² terbang yang di-buat hatta oleh Amerika sendiri.

Soal yang penting di-pertimbangkan juga di-dalam membeli kapal terbang ini ia-lah soal *spare part*²-nya dan jikalau-lah berlaku suatu pertelingkahan di-antara negara kita dengan negara yang menjualkan kita kapal terbang itu dan menahan *spare part*²-nya itu daripada di-hantar kepada kita maka akan berlaku-lah kesukaran bagi kita untok menjalankan kapal² terbang yang kita beli itu. Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka menchadangkan supaya di-tengok jenis² kapal terbang yang di-beli itu, di-mana yang kita boleh dapat *spare parts* di-lain² negeri, sa-lain daripada negeri yang menjualkan kapal terbang itu. Kapal terbang MIG ini, umpama-nya, barangkali kita boleh dapat *spare part*²-nya, kalau Russia tidak mahu menghantar besok, daripada negeri² yang ada mempunyai MIG ini dan ada kilang² *spare part* saperti di-India dan India sendiri ada mempunyai kilang yang mengeluarkan *spare part*² kapal terbang MIG ini.

Di-samping itu, Tuan Pengerusi, saya suka juga-lah supaya di-timbangkan kemungkinan negara kita menubuhkan kilang² yang mengeluarkan segala jenis *spare part* yang di-gunakan oleh Angkatan Laut, Angkatan Udara dan Angkatan Darat kita. Pada masa ini kilang untok membuat peluru sedang di-dirikan dan ini satu langkah yang sangat baik, yang sangat patut di-beri pujian kepada Kementerian ini di-atas usaha bagi menganjorkan penubuhan sharikat kilang peluru ini dengan beberapa sharikat dalam dan luar negeri. Maka patut-lah juga di-timbangkan, sa-lain daripada itu. Tuan Pengerusi, kemungkinan mendirikan kilang² mengeluarkan *spare part*² yang lain yang perlu kepada pasokan pertahanan kita supaya dapat-lah kita menjamin yang kita akan dapat segala kemudahan² bagi kelengkapan tentera kita bila tiba masa genting atau hubungan genting

dengan negeri² yang lain yang ada hubungan baik dengan kita kerana dalam dunia Antarabangsa hari ini kita tidak dapat hendak menjangka bagaimana nanti akan jadi perhubungan kita dengan negara² yang baik dengan kita pada masa akan datang kerana sababar-nya, sa-kali hubungan antara bangsa, *self-interest* itu-lah yang menjadi pedoman yang besar dalam hubungan kita dengan negara² luar negeri.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya berchakap satu perkara sahaja ia-itu Kepala 117, Pechahan-kepala 7—Pengkalan Tentera Laut. Saya menyokong di-atas peruntukan ini dan atas pandangan sa-orang rakan saya juga, ia-itu sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat sudah barang tentu segala kelengkapan² tentera kita mesti-lah di-letakkan di-dalam kawasan tempat tanah ayer kita sendiri. Jadi, saya menggesa dengan kuat-nya supaya Kerajaan menchari atau pun menyiasat satu tempat yang sesuai di-dalam negeri kita ini untuk menempatkan pengkalan tentera laut kita. Pengkalan tentera laut, ia-itu “Naval Base” yang ada sekarang ini di-Singapura itu hendak-lah di-pindahkan dengan segera-nya di-satu pengkalan di-negara kita ini sendiri dan kita tidak-lah patut menumpang di-negara lain, meletakkan pengkalan tentera kita ini. Saya fikir chadangan ini sangat-lah menasabah, sesuai dengan dasar kita untuk berdiri di-atas kaki sendiri dari segi ketenteraan kita.

Tuan Chen Wing Sum: Mr Chairman, Sir, I thank the Honourable Members for Kuala Trengganu Utara and Muar Dalam for the observations made by them.

Sir, the question of the purchase of aircraft has been fully discussed recently by many Honourable Members, and this Government has assured the House that it will only purchase those planes which are most suitable to us, to our needs and on the best terms. Several observations were also made on the purchase of MIGs from Russia. Certainly the Government will

keep its mind open, and if they are suitable to us, there is no harm for us to consider them too.

As to the suggestion made by the Honourable Member for Muar Dalam that we should consider finding another place as our Naval Base, this question has been considered many a time by the Ministry. However, when the time comes, when we find that it is necessary to have our own base, this House would be informed. Thank you, Sir.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$106,007,190 untuk Kepala 117 di-setujukan jadi sabahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala 119 dan 120—

Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Kepala 119 dan 120 sa-kali kerana kedua²-nya termasuk di-dalam portfolio Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, chuma ada satu sahaja perbelanjaan, ia-itu Kepala 120 yang ada kena-mengena dengan Perbendaharaan. Di-bawah Kepala ini, ada lima Pechahan-kepala, ia-itu Pechahan-kepala 1, 2, 4, 5 dan 7.

Pechahan-kepala 1—Pejabat Kastam dan Rumah Kakitangan

Wang sa-banyak \$1,036,000 ada-lah di-kehendaki bagi membena rumah² Kelas E dan G di-Butterworth, Padang Besar, Kuala Trengganu, Melaka dan Kuala Lumpur. Sa-lain daripada pembenaan rumah² ini, satu bangunan pejabat di-kehendaki di-bena berdekatan dengan Dermaga Ayer Dalam di-Butterworth dan satu lagi di-Pulau Pinang.

Pechahan-kepala 2—Pembelian Lanchi, Land-Rover, Alat² Wireless dan lain² untuk menchegeh Penyeludupan.

Wang sa-banyak \$310,000 ada-lah di-kehendaki bagi membeli enam buah Kapal Ronda Pelabohan dan dua buah Land Rover bagi Bahagian

Menchehagah Penyeludupan. Sa-lain daripada itu senjata api dan lain² alat² ada-lah juga di-kehendaki di-beri bagi Bahagian ini.

Pechahan-kepala 4—Maktab Latehan Kastam di-Raja.

Maktab Latehan Kastam di-Raja berkehendakkan wang sa-banyak \$322,500 bagi mengadakan kemudahan² tambahan di-Maktab Kastam di-Melaka. Ini termasuklah pembenaan sa-buah museum/dewan perhimpunan, empat unit rumah Kelas E, satu tangki ayer dan membeli perabut dan alat² yang mustahak bagi Maktab itu.

Pechahan-kepala 5—Pengangkutan dan Perjalanan.

Peruntokan tanda sa-banyak \$10 ada-lah di-kehendaki di-bawah Pechahan-kepala ini bagi menghidupkan Pechahan-kepala ini dan membayar tuntutan pengangkutan dan perjalanan yang mungkin di-kemukakan oleh Pegawai² Jabatan Kerja Raya yang menyediakan projek² yang di-laksanakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais jika tuntutan itu di-buat.

Pechahan-kepala 7—Memperkokoh Kawasan Larangan, Setor dan Bilek Kebal, ya'ani Strong Room.

Wang sa-banyak \$80,000 ada-lah di-kehendaki bagi memperkokoh kawasan larangan, bilek² setor, dan bilek² kebal ya'ani strong rooms bagi Bahagian Penchehagah di-Padang Besar, Pulau Pinang, Butterworth, Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Haji Hamzah bin Alang (Kapar): Tuan Pengerusi, Kepala 120, Pechahan-kepala 2 ini, saya nampak belanja yang di-peruntokkan ia-lah sa-banyak \$310,000. Saya berpendapat perbelanjaan ini mungkin tidak chukup kalau hendak membeli hanya enam buah motorboat untuk menjaga penye-ludupan di-tepi laut. Apa yang saya ketahui, sekarang ini di-sabalah pantai timor negeri Selangor ini, ada beberapa buah moto-bot² yang laju-nya dan mengalahkan speed-boat² Kastam

yang hendak di-buat itu. Pada satu masa saya sendiri telah mendapat tahu bahawa orang² ini yang membawa cigarette, brandy dan beberapa barang lain, kadang² rokok dapat lebeh murah lagi daripada yang kita dapat di-kedai. Jadi, saya rasa penyeludupan macham ini supaya tidak dapat di-chehagah kerana pantai timor Selangor chukup luas dan ada banyak tempat penye-ludup dan bila ayer pasang besar itu-lah masa-nya penyeludupan itu sampai. Perkara ini telah di-beri ketahui dan di-sampaikan kepada pehak yang berkenaan dan dia mengatakan tak dapat tangkap perkara itu kerana speed boat itu lebeh laju daripada moto-bot² Polis dan Kastam. Jadi saya berpendapat wang ini tentu-lah tidak chukup dan saya berharap peruntokan ini di-tambah lagi supaya moto-bot² kita yang menjaga atau meronda di-tepi pantai itu dapat di-buat dengan chukup untuk mengelakkan penye-ludupan yang berleluasa dalam negeri kita ini. Ini bukan sahaja brandy, cigarette, whisky dan sa-bagai-nya, tetapi ikan² kering yang kita nampak daripada satu negeri komunis dalam negeri kita ini banyak ada di-market². Jadi, ini saya perchaya bahawa jika benda ini diperkuat dan di-perluaskan lagi, tentu-lah kejadian² itu akan dapat di-chehagah dengan baik.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, chadangan Ahli Yang Berhormat dari Kapar itu ada-lah di-ambil perhatian. Chuma satu sahaja saya hendak mengingatkan Dewan ini, ia-itu walau bagaimana sa-kali pun chepat-nya atau laju-nya moto-bot² pehak Penchehagah Kastam, tetapi ada satu lagi perkara yang penting, ia-itu kerjasama daripada pehak orang ramai untuk memberikan maklumat² yang penting berkenaan dengan penyeludupan².

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini juga sedar, pehak Kastam telah menangkap banyak barang² yang telah di-seludupkan ka-dalam negeri ini walau pun barang² itu telah dapat lepas masuk ka-dalam negeri ini dan walau pun demikian boleh dapat di-tangkap di-dalam negeri ini jika dapat maklumat.

Jadi walau pun sa-kira-nya di-laut sa-kali pun dapat lepas usaha penyeludupan ini daripada tangkapan Kastam, kalau pehak orang ramai memberikan maklumat yang sa-chukup-nya, maka tangkapan boleh di-buat di-masa barang² itu telah pun di-seludupkan ka-dalam negeri ini, ya'ani di-atas daratan negeri ini. Jadi, ini-lah harapan pehak Kerajaan supaya sa-tiap pehak yang ada di-dalam negeri ini akan memberikan kerjasama-nya sa-berapa boleh untuk menolong pehak Kerajaan membasmi penyeludupan yang ada dalam negeri kita.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,748,510 untuk Kepala 120 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala 121—

Menteri Muda Perusahaan dan Perdagangan (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan Kepala 121 menjadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan tahun ini.

Anggaran Pembangunan Kementerian saya bagi tahun 1969 di-bawah Kepala 121 berjumlah sa-banyak \$45,538,685. Anggaran Perbelanjaan ini menunjukkan kekurangan sa-banyak \$15,779,679 berbanding dengan Anggaran bagi tahun yang lepas. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, semua Pechahan²-kepala Perbelanjaan ini ia-lah untuk ranchangan² yang telah pun di-luluskan oleh Dewan ini dahulu. Oleh yang demikian, tidak payah-lah bagi saya menerangkan satu persatu tentang mustahak-nya peruntokan wang itu di-perbekalkan untuk membolehkan ranchangan² dan projek² yang sedang di-jalankan itu di-sempurnakan.

Rengkasannya ranchangan² itu ia-lah seperti berikut:

Pechahan-kepala 1—Ranchangan Tanam-samula Getah—\$28,200,000 (Chara Langsong).

Di-bawah Ranchangan No. 1 sa-banyak \$2.1 juta ia-lah untuk bayaran² di-bawah Perusahaan

Getah, ia-itu Ranchangan Tanam Sa-mula Getah bagi ladang² besar dan pekebun² kecil yang telah di-mulakan dalam tahun 1955. Manakala di-bawah Ranchangan No. 2 pula yang di-mula² dalam tahun 1962, sa-banyak \$26.1 juta ia-lah bayaran² lanjutan kepada Ranchangan² Tanam Sa-mula Getah bagi ladang² besar dan pekebun² kecil.

Pechahan-kepala 2, Pusat Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara—Peruntokan tanda sa-banyak \$10 (Chara Langsong).

Sa-bidang tanah sa-luas 30 ekar di-Batu Tiga telah pun di-beli pada tahun 1968 untuk tapak bangunan Kompleks Penyelidikan Sains. Tindakan sekarang sedang di-ambil untuk mendapat perkhidmatan daripada sa-orang pakar dari Bangsa² Bersatu untuk melaksanakan penubohan Pusat tersebut. Ada-lah di-jangka pakar itu akan tiba dalam tahun ini. Oleh itu hanya peruntokan tanda sa-banyak \$10 sahaja di-perbekalkan.

Pechahan-kepala 4, Kawasan² Perusahaan.

Hanya peruntokan tanda sa-banyak \$10 sahaja di-perbekalkan bergantung kepada keputusan atas permohonan² daripada penubohan kawasan Perusahaan yang di-terima daripada Kerajaan² Negeri.

Pechahan-kepala 5—Pusat Daya Pengeluaran Kebangsaan.

Perbekalan wang sa-banyak \$100,000 ia-lah untuk memenohi perbelanjaan perengkat pertama bangunan Pusat Daya Pengeluaran Kebangsaan yang akan memakan belanja seluroh-nya sa-banyak sa-tengah juta ringgit.

Pechahan-kepala 6—Pelanchongan.

Peruntokan wang sa-banyak \$1,000,000 di-bawah Pechahan-kepala ini ada-lah di-kehendaki untuk melaksanakan projek² seperti berikut: pertama sa-kali Motel di-Kuala Trengganu sa-banyak \$496,100; kedua, Motel Rantau

Abang \$53,900; ketiga, Pusat Pene-
rangan Port Swettenham \$50,000;
dan keempat, Ranchangan Bukit
Nanas \$400,000.

*Pechahan-kepala 7—Bekalan Letrik
Luar Bandar.*

Perbekalan wang ini ia-lah bagi
membolehkan lagi Lembaga Letrik
Negara melaksanakan ranchangan²
perbekalan di-luar bandar pada
tahun 1969 ini. Bilangan ranchangan²
bagi tahun ini belum lagi dapat di-
tentukan. Kementerian saya bersama²
dengan Kementerian Pembangunan
Negara dan Luar Bandar dan
Lembaga Letrik Negara sedang
mengkaji akan bilangan ranchangan²
yang akan di-laksanakan pada tahun
ini.

*Pechahan-kepala 8—Kilang², Gu-
dang² dan Perkakas bagi Simpanan
Beras Kerajaan.*

Wang sa-banyak \$100,000 yang di-
perbekalkan di-bawah Pechahan-
kepala ini ia-lah untuk perengkat
pertama pembenaan gudang² baharu
di-Tampoi, Johor, untuk simpanan
beras Kerajaan bagi kawasan Selatan.
Perbelanjaan projek ini di-jangka
akan berjumlah \$400,000.

*Pechahan-kepala 18—Lembaga Kera-
jaan Perusahaan Persekutuan.*

Untuk melaksanakan tugas-nya
dengan lebih berkesan dan
memuaskan, peruntukan sa-banyak
\$1,750,000 di-perbekalkan bagi tahun
ini untuk memenuhi perbelanjaan
pentadbiran Lembaga F.I.D.A.
berbanding dengan \$1.5 juta pada
tahun yang lepas tadi.

*Pechahan-kepala 19—Yayasan
Sukatan dan Darjah Malaysia.*

Peruntukan² ini di-perbekalkan
untuk memenuhi perbelanjaan
pembinaan bangunan² Ma'mal
Perchubaan Tanda Pengesahan atau
pun Testing Certification Marking
Laboratory dan Ibu Pejabat Pusat
Yayasan di-Batu Tiga. Kerja²
meranchang bangunan ini sedang di-
jalankan.

*Pechahan-kepala 23 dan Pechahan-
kepala 24.*

Kedua² projek ini bergantung
kapada peruntukan wang yang akan
di-pohon daripada Bank Dunia.
Oleh itu hanya peruntukan tanda
sa-banyak \$10 satu²-nya di-perbekal-
kan dalam Estimate ini.

*Pechahan-kepala 51—Penanaman
Getah di-Sarawak.*

Peruntukan perbelanjaan ini di-
kehendaki untuk memenohi bayaran²
sambongan bagi ranchangan² tanam-
an baharu dan tanaman sa-mula
di-Sarawak. Hasil daripada rancha-
ngan ini sa-jumlah 34,002 ekar telah
di-tanam baharu² ini dan 4,025 ekar
di-tanam sa-mula. Sa-lain daripada
itu sa-luas 2,572 ekar di-tanam
di-bawah Ranchangan Bantuan
Penanaman Getah. Belanja semua
projek² ini berjumlah \$17,514,235
bagi tahun 1964 hingga 1966.

Di-bawah Ranchangan "B"
mengenai tanaman getah dengan
beneh yang baik atas ranchangan²
kemajuan tanah keluasan yang telah
di-tanam bagi tempoh yang sama
ia-lah lebih kurang 14,111 ekar
dengan belanja berjumlah \$6,260,460.
Dalam tahun 1967 Ranchangan "B"
ini bertambah sa-banyak 1,170 ekar
termasuk 400 ekar atas ranchangan
baharu. Dalam tahun 1968 ada-lah
di-anggarkan, ia-itu sa-luas 1,345
ekar lagi akan dapat di-tanam atas
tiga buah ranchangan yang ada
sekarang ini.

*Pechahan-kepala 53—Perbadanan
Bekalan Letrik.*

Di-bawah Pechahan-kepala itu
wang sa-jumlah \$2,500,000 akan di-
kehendaki sa-bagai pinjaman untuk
membiayai perkembangan rancha-
ngan perbekalan letrik di-Sarawak
di-sebabkan tambahan penggunaan
letrik yang sa-makin banyak kerana
tambahan bilangan penduduk²,
kemajuan, perumahan, perniagaan
dan perusahaan.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-
chadangkan.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian berchakap sedikit sahaja ia-itu Kepala 121 Pechahan-kepala 6—Pelanchongan. Di-sini peruntokan di-minta ia-lah sa-banyak \$1,000,000. Saya hanya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa-kah sudah-nya rancangan penyiataan di-Gunong Ledang hendak di-jadikan tempat pelanchongan. Saya telah mengemukakan dahulu dan wakil Muar Utara pun telah mendesak juga. Saya hendak tahu ada-kah wang sa-juta ini termasuk belanja hendak membena rancangan pelanchongan di-Gunong Ledang.

Pechahan-kepala 7 Bekalan Letrik Luar² Bandar. Peruntokan di-minta ia-lah lebeh daripada \$2,000,000. Saya sa-kali lagi meminta Yang Berhormat Menteri supaya menentukan—kerana kata Yang Berhormat Menteri tadi belum di-tentukan—perbelanjaan-nya. Jadi tolong-lah tentukan bekalan letrik ini akan di-sampaikan ka-Sungai Rambai kerana apa yang saya baharu terangkan tadi di-Balai Polis Sungai Rambai itu sudah dua tahun ada di-letakkan wayar dengan mentol-nya sa-kali tetapi sa-hingga hari ini belum sampai bekalan letrik.

Pechahan-kepala 8, Kilang², Gudang² dan Perkakas bagi Simpanan Beras Kerajaan. Peruntokan juga banyak di-minta. Saya suka-lah mempelawa Kerajaan sa-kira-nya di-Melaka hendak di-bena tempat simpanan beras, pehak Kesatuan Kilang Padi Negeri Melaka boleh menyewakan sahaja tidak payah mengeluarkan perbelanjaan lagi kerana pehak Persatuan Kilang Padi di-sana ada setor yang besar. Terima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh hanya satu sahaja ia-itu berkenaan dengan bekalan letrik di-luar² bandar. Saya menggesa perkara ini supaya Kementerian ini mengkaji sa-mula dasar berkenaan dengan bekalan letrik ka-luar bandar. Kalau dasar yang di-pakai oleh Lembaga Letrik Negara sekarang ini ia-itu berdasarkan kepada perniagaan, di-luar bandar tentu-lah agak-nya dia tidak

akan dapat untung dengan serta-merta sebab itu kalau dasar keuntungan dan perniagaan ini di-buat untuk membuat bekalan letrik di-luar bandar, tentu-lah luar bandar ini nanti akan lambat dapat bekalan² letrik. Sebab itu untuk bekalan letrik keluar bandar hendak-lah, saya chadangkan, supaya di-adakan satu rancangan, satu dasar baharu dengan tidak mengira sama ada dia untung atau rugi di-sana fasal orang² kampung di-luar bandar tidak mendapat bekalan letrik. Maka hendak-lah di-timbangan tempat² yang patut di-beri letrik dan kemudahan² ini dengan tidak di-dasarkan kepada dasar perniagaan sa-mata². Ini saya kira macham kawasan² di-luar bandar ini banyak sangat yang belum mendapat bekalan letrik dan kita hanya menjanjikan kepada orang daripada sa-tahun ka-satahun. Mithal-nya, Kampong Gajah, satu Sub-District dalam kawasan Hilir Perak yang kedudukan-nya tidak berapa batu daripada tempat Ahli Yang Berhormat dari Parit dan Ahli Yang Berhormat dari Parit kawasan-nya itu sudah ada letrik di-Bota tetapi tidak sampai ka-Kampong Gajah.

Kata L.L.N. tidak boleh sampai kerana belanja-nya banyak dan oleh kerana belanja banyak di-tanggohkan sampai entah bila masa-nya. Sebab dia kata kalau di-masokkan juga, rugi. Jadi, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya Kementerian ini dapat membuat satu dasar baharu berkenaan dengan bekalan letrik di-luar bandar supaya tidak di-asaskan kepada keuntungan sa-mata² hanya memberikan service atau pun perkhidmatan kepada ra'ayat di-luar² bandar di-Kampong Gajah ia-itu satu Sub-District, saya katakan gelap selalu-nya dan ada Sekolah Menengah telah di-dirikan di-sana dan juga akan bertambah besar Kampong Gajah itu dari satu masa ka-satu masa. Dan kalau ada bekalan letrik ini chepat di-masokkan, saya rasa, Kampong Gajah ini tidak akan malap sa-lama²-nya. Bagitu juga dalam kawasan Labu Kubong mithalan-nya. Di-sana pun Sekolah Menengah ada dan di-sana Pusat Pertanian bagi ra'ayat di-luar bandar telah menampakkan hasil yang baik, tetapi kita maseh menunggu bekalan letrik dalam kawasan ini oleh kerana dasar tadi.

Sebab itu sa-kali lagi, Tuan Pengerusi, saya menggesa supaya dasar ini di-ubah dan di-charikan untuk perkhidmatan orang ramai.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya menyokong apa yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat wakil dari Hilir Perak dan juga saya tidak menafikan kawasan saya telah ada bekalan letrik luar bandar. Tetapi di-sini saya suka juga menyatakan sungguh pun ada bekalan electric di-kawasan saya tetapi ranchangan² yang ada itu seperti juga kata orang ia-itu ranchangan "Abu Nawas" ia-itu bermaana sa-tengah kampung ada, sa-tengah kampung tidak ada. Jadi kadang² kampung sa-belah hilir ada sa-belah hulu ada, tengah² tidak ada, jadi orang² tengah² ini berasa dukachita dan mendesak beberapa kali.

Jadi, saya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ia-itu berkenaan dengan kerja yang di-jalankan mengadakan electric luar bandar di-kawasan saya telah di-jalankan oleh K.E.D. atau sharikat Kinta Electrical Distribution Company. Jadi nampaknya mereka ini selalu datang ka-kawasan saya dan juga memberi sedap hati kapada penduduk² mengatakan peruntokan sudah ada, dia akan menjalankan pada tahun depan, tahun depan, tahun depan. Jadi, di-sini-lah sebab orang kampung tidak faham yang bahawasa-nya K.E.D. ini ada-lah satu contractor dan juga saya perchaya K.E.D. ini ada-lah sharikat yang berniaga. Jikalau kita peruntokkan \$50,000 pasangkan electric di-sana maka dia dapat perniagaan balek, ia-itu return—akan dapat balek, tetapi perkara ini saya minta-lah kapada Yang Berhormat Menteri ia-itu peruntokan kapada negeri Perak pada tahun ini atau tahun yang akan datang lebeh banyak lagi daripada tahun yang sudah².

Tuan Haji Ahmad bin Saa'id (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya sokong Kementerian ini dan saya ingin berchakap sedikit berkenaan dengan Pechahan-kepala 1—Ranchangan² Tanaman-sa-mula Getah.

Saya di-fahamkan Kementerian ini memberi galakan untuk memperbagai-kan tanaman dalam negeri kita ini tetapi saya tidak nampak peruntokan yang di-buat bagi mengubahkan tanaman sa-bagaimana kita dapati ada satu kawasan, mithal-nya ladang getah yang tua dan sesuai untuk di-jadikan sawah padi maka pehak yang berkenaan hendak memotong getah-nya supaya di-tanam padi tetapi saya lihat tidak ada peruntokan bagi memberi galakan kapada orang supaya mengubahkan tanaman atau memperbagai-kan tanaman. Saya berharap-lah pehak Kementerian ini boleh memberi sedikit kenyataan sama ada boleh di-beri bantuan mengubahkan tanaman daripada getah yang lama kapada tanaman padi atau pun tanaman kelapa dan lain².

Pechahan-kepala 2—Tuan Pengerusi, Pusat Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri sabelum mendirikan Pusat Penyelidikan Sains dan Perusahaan ini patut memikirkan kemungkinan mengadakan sa-buah sahaja pusat penyelidikan dalam negara kita ini, sebab saya dapat tahu pehak Kementerian Pertanian pun hendak mengadakan pusat penyelidikan berkenaan dengan pertanian, molek-lah di-chantumkan dua² daya usaha hendak mengadakan pusat penyelidikan ini kapada satu bangunan atau satu tempat supaya kita tempatkan semua ahli² sains kita atau ahli² pakar kita supaya dapat menyelidik dan menyiasat di-atas bukan sahaja perkara perusahaan bahkan bahan² makanan yang boleh kita tinkan untuk di-export dan lain². Jikalau, kita ada dua pusat ini akan memakan belanja yang banyak. Saya berharap-lah supaya kedua² Kementerian ini memikirkan supaya mengadakan chuma satu sahaja pusat penyelidikan di-jadikan serba guna bagi seluroh penyelidikan² yang kita akan adakan dalam negara kita ini.

Pechahan-kepala 5, Tuan Pengerusi, Pusat Daya Pengeluaran Kebangsaan. Ini ada-lah satu usaha yang baik untuk memberi galakan mengeluarkan barang² perubatan daripada negara kita sendiri. Di-samping itu jikalau kita

keluarkan banyak barang² ini kita hendak menchari pasaran. Yang saya ingin mengeluarkan shor supaya Kementerian ini mengadakan satu atau sa-buah bangunan yang besar yang di-namakan dewan pameran barang² keluaran negara supaya di-Ibu Kota ini kita adakan satu bangunan yang bertingkat 5 atau 10 dan kita tawarkan kepada tiap² kilang perusahaan atau pun tiap² orang yang mengeluarkan barang² dengan usaha tangan-nya sendiri supaya dapat kita beri tempat kepada mereka ini satu bilek yang kita sewakan kepada kilang² atau orang² yang membuat barang² ini supaya dapat di-pamerkan barang² ini dalam satu bangunan. Sa-kira-nya orang² luar hendak melihat barang² yang di-keluarkan oleh warganegara kita sendiri maka dapat-lah mereka ini tujukan kepada satu bangunan dan dapat-lah mereka ini tengok barang² yang kita keluarkan daripada negara kita sendiri dan boleh-lah mereka itu kalau teringin hendak menjalankan pasaran hendak berlanggan dengan pehak yang berkenaan, boleh-lah terus menjalankan usaha perniagaan dengan wakil² yang di-tempatkan di-dalam bangunan ini.

Saya harap-lah pehak Kementerian ini akan menimbangkan kemungkinan mengadakan satu bangunan yang saya sebutkan supaya bukan sahaja dapat kita menarek orang² luar datang melihat barang² kita bahkan warganegara kita sendiri pun sangat ingin hendak melihat barang² yang di-keluarkan oleh kita sendiri di-satu tempat—tiap² barang yang kita keluarkan boleh kita adakan di-sana. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad

(Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit berhubung dengan perkara Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini. Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian kepada Pechahan-kepala 1 Ranchangan³ Tanam-samula Getah. Apa yang saya fahamkan bahawa di-bawah Ranchangan² Tanam-samula Getah ini ada syarat yang membolehkan menukar daripada tanam getah kepada tanam kelapa sawit mithal-nya.

Tuan Pengerusi, di-Trengganu sekarang ini sudah ada 2-3 tempat ranchangan kelapa sawit yang telah dijalankan mithal-nya di-Mukim Tubak Bani di-Kemaman, ranchangan FLDA di-Jerangau dan ranchangan perbadanan negeri Trengganu di-Sungai Tong. Jadi dengan ada nya 3-4 yang besar ini ranchangan kelapa sawit telah dijalankan dan apa yang kita tahu bahawa di-Jerangau itu sudah pun ada kilang-nya. Yang menjadi masalaah-nya, Tuan Pengerusi, apa yang saya dapat tahu ra'ayat negeri Trengganu yang tidak dapat ikut serta dalam ranchangan kelapa sawit itu suka tanam getah sa-mula daripada bertanam kelapa sawit. Tetapi, yang menjadi masalaah-nya, Tuan Pengerusi, dan saya harap mendapat jasa baik daripada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini supaya menggunakan jasa baik-nya berunding dan berkira dengan mana² ranchangan perbadanan dan FLDA ini supaya mendapat jaminan sa-kira-nya ra'ayat yang berhampiran dengan kawasan menanam kelapa sawit, maka kilang² itu akan dapat membeli kelapa sawit yang di-tanam oleh pekebun² kechil itu atau pun memberi peluang kepada pekebun² kechil ini menghantar kelapa sawit-nya di-mana² ranchangan yang berhampiran itu. Jadi ini-lah menjadi satu harapan supaya pekebun² kechil di-negeri Trengganu itu akan dapat mengikuti perkembangan kelapa sawit ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka juga menarek perhatian berhubung dengan soal ranchangan letrik di-luar bandar ini. Di-Besut di-kawasan saya, Tuan Pengerusi, sudah ada sekerat electric ia-itu di-Jereteh dan di-Alor Lintah; yang saya maksudkan sekerat itu maseh ada lagi tempat² yang patut mendapat electric ini, yang paling hampir sa-kali dengan lalu lintas, Tuan Pengerusi, ia-lah di-Alor Lintang. Alor Lintang ini dudok-nya satu batu sahaja daripada Alor Lintah dan saya pandang paling kurang-nya tempat ini ada-lah yang paling penting sa-kali pun untuk di-panjangkan atau di-sampaikan electric itu sebab di-situ ada 3 sekolah menengah, sekolah menengah jenis

kebangsaan yang bernama Tengku Mahmud dan Sekolah Menengah Kebangsaan Nasaruddin dan Sekolah Menengah Indera Segara. Jadi, Tuan Pengerusi, sekolah ini bagaimana yang saya sebutkan dahulu bahawa sudah ada satu mesin tetapi oleh kerana tidak ada electric sa-hingga mesin itu tergendala dan sampai sekarang ini pun belum dapat di-pakai lagi. Dan besarlah juga harapan saya supaya dipanjangkan lagi electric ini ka-Kampong Raja sebab Kampong Raja ini ada-lah dudok-nya di-situ Pejabat Daerah di-Besut, Hospital-nya di-situ, pejabat daerah-nya di-situ dan pejabat² lain di-situ juga dan sampai sekarang ini masih belum lagi dapat electric yang boleh di-gunakan 24 jam. Apa yang ada sekarang ini hanya-lah yang di-gunakan untuk 12 jam sahaja dan seterusnya pada tempat nelayan mithal-nya di-Kuala Besut itu pun amat-lah mustahak-nya untuk dipanjangkan dan di-sampaikan electric disana. Jadi, Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini dapat memanjangkan ka-tempat² atau pun 3 tempat yang saya sebutkan ini maka akan berterima kaseh-lah ra'ayat Besut itu kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan dan dapat merasa-lah bahawa api letrik ini sudah betul² sampai kepada mereka dan dapat di-gunakan dan ini-lah nikmat ranchangan pembangunan negara dan luar bandar. Kalau ini belum lagi sampai, Tuan Pengerusi, mereka rasa dengar begitu sahaja dan masih hidup dalam gelap gelita jadi belum benar² dapat merasa dan menikmati. (*Interruption*) Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya PAS ini bulan bintang jadi dia boleh terang juga. Jadi, Tuan Pengerusi, itu-lah harapan daripada ra'ayat Besut supaya dapat di-sampaikan pada tahun ini juga.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap Kepala 121 Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dalam Pechahan-kepala 7 dan peruntukan sa-banyak \$2.3 juta. Saya akan menyentoh satu perkara sahaja ia-itu, sa-bagaimana saya kata tadi, Pechahan-kepala 7, Bekalan Letrik Luar Bandar.

Ranchangan ini yang sa-benar-nya ia-lah satu ranchangan yang baik tetapi saya minta pehak yang berkenaan menumpukan lebeh sedikit kepada permohonan² bekalan letrik luar bandar, khas-nya di-Pantai Timor, kerana Ahli Yang Berhormat rakan² saya selalu menyebut tentang kemundoran di-Pantai Timor. Maka saya minta Yang Berhormat Menteri menumpukan ranchangan ini kepada Pantai Timor atas alasan² yang di-beri yang saya rasa, sa-benar-nya mengikut dasar Kerajaan pun ia-itu hendak menolong, hendak memberi kemudahan kepada penduduk² luar bandar. Tetapi achap kali saya kemukakan perkara ini tetapi mendapat jawapan yang tidak begitu menyenangkan hati. Pihak Lembaga Letrik Negara sentiasa berkata ia-nya terpaksa mengikut dasar mencari keuntungan di-segi perniagaan atau dengan bahasa Inggeris *on commercial line* sahaja. Jadi berma'ana di-sini telah bertentangan dengan dasar hendak memberi kemudahan kepada penduduk² luar bandar. Jadi saya harap pehak Menteri mengkaji sa-mula supaya memberi kemudahan ini kepada penduduk² luar bandar yang juga saya rasa negara kita pun berasa mustahak hendak memberi kemudahan kepada penduduk² di-luar bandar daripada penduduk² yang telah merasai nikmat yang ada di-dalam bandar.

Satu perkara lagi bersabit dengan kawasan² tempat lalu high wire tension yang ada di-Kelantan yang telah melalui kampong² dan halaman² tanah penduduk² yang tersebut atau pun yang tertentu telah banyak teraniaya kerana saya faham ia-itu banyak tuan² tanah yang kena di-lalui high wire tension ini di-paksa mengikut sharat² atau peratoran menahan tuan² tanah itu menanam pokok² yang kekal dan disamping itu pula tuan² tanah kena bayar hasil² tanah-nya atau pun chukai² bandar jikalau sa-kira-nya tanah itu berada dalam bandar. Jadi ini satu perkara yang patut di-beri kajian dan timbang sa-mula oleh pehak Kementerian dan saya bagi pehak tuan² tanah merayu dan mendesak pehak yang berkenaan supaya membayar sagu hati kepada pehak² yang

tertentu yang terlibat dalam masa-alah ini kerana, saya rasa, jabatan² Kerajaan lain seperti Pejabat Tanah, Pejabat Parit dan Taliayer, biasa-nya memberi sagu hati berkenaan dengan mana² tanah yang di-ambil oleh Kerajaan.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini saya hanya akan menyentuh satu Pechahan-kepala sahaja ia-itu pechahan-kepala 7, Bekalan Letrik Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyampaikan kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri ia-itu sikap kedegilan pehak LLN dalam menjalankan tugas-nya memberikan bekalan² letrik ini di-kawasan² luar bandar. Satu chontoh, Tuan Pengerusi, yang pernah saya sebutkan dalam Dewan ini ia-itu pada tahun 1967 yang lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat lawatan di-kawasan saya dan membuka sa-batang jalan raya yang baharu di-sana ia-itu di-Kampung Titi Serong. Yang Amat Berhormat Tun telah menerima rayuan daripada pehak penduduk² di-sana supaya menyambungkan perbekalan api letrik daripada Jalan Sungai Kota ka-Titi Serong dan Yang Amat Berhormat Tun telah berjanji projek ini akan di-laksanakan dalam tahun 1968. Jadi, Tuan Pengerusi, apa yang mendukachitakan hingga hari ini projek tersebut maseh belum di-laksanakan lagi. Dan baharu² ini saya sendiri telah bertemu dengan pehak yang berkenaan LLN; dia telah menyatakan projek ini akan di-laksanakan-lah dalam tahun 1968 itu juga, tapi malang-nya hingga hari ini pun maseh belum di-laksanakan. Apa yang mendukachitakan baharu² ini dalam tempoh lebeh kurang sa-bulan yang baharu lalu pehak LLN telah menjalankan suatu projek ia-itu daripada Sempang Tiga ka-Titi Serong suatu projek yang tidak pernah pun diminta sama ada oleh pehak orang ramai atau pun oleh pehak jawatan-kuasa PLB daerah.

Jadi, ini-lah menunjukkan yang pehak LLN ini menjalankan tugas-nya dengan tidak mahu berunding dengan

pehak² yang berkenaan, dan berbuhong dengan projek yang di-buat itu lebeh kurang tengah dua batu, Tuan Pengerusi, pehak penduduk² di-sana melalui UMNO Chawangan telah membuat bantahan kepada pehak Pengurus Besar LLN dan saya rasa satu salinan surat telah di-beri kepada pehak Yang Berhormat Menteri menyatakan yang projek itu ada-lah satu projek yang membazir, kerana lebeh kurang tengah dua batu di-pasang tiang. Yang mendapat faedah daripada pehak itu hanya lebeh kurang 30 buah rumah sahaja dan tempat yang di-tujukan itu sampai-lah ka-tempat Titi Serong, ia-itu yang ada pekan yang ada rumah lebeh kurang 30 buah, tetapi kalau projek itu di-sambong mengikut permohonan yang di-buat melalui Yang Amat Berhormat Tun dan telah di-janjikan oleh Yang Amat Berhormat Tun lebeh kurang tiga batu, bukan sahaja penduduk² yang 30 buah rumah tadi dapat faedah-nya, bahkan 300 buah rumah lebeh di-kiri kanan jalan itu akan mendapat faedah daripada projek yang sepatut-nya di-buat itu.

Saya harap-lah Yang Berhormat Menteri pada masa yang akan datang supaya dapat memberikan arahan² kepada pehak LLN ini dalam menjalankan tugas-nya patut-lah berunding dengan pehak² yang berkenaan di-tempat itu terutama sa-kali pehak Jawatan-kuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Daerah hendak-nya jangan-lah di-kebelakangkan.

Sa-lama ini, Tuan Pengerusi, banyak sangat-lah kalau hendak di-sebutkan chontoh² kedegilan pehak LLN ini dalam menjalankan tugas-nya dan kalau satu ranchangan yang di-minta oleh kita kepada pehak LLN biasa-nya pehak LLN mengatakan yang projek ini tidak ekonomik kalau di-jalankan, tetapi satu chontoh yang saya sebutkan tadi, ia-itu tengah dua batu tiang di-pasang oleh pehak LLN memberikan saloran perbekalan api letrik ini hanya memberi kemudahan untok 30 buah rumah lebeh kurang. Apa-kah projek ini kepada LLN mendatangkan keuntungan?

Sekian, Tuan Pengerusi, saya harap perkara ini akan mendapat perhatian

daripada pehak Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Hajjah Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, suka saya mengambil kesempatan dalam Pechahan-kepala 7 ia-itu Bekalan Letrik Luar Bandar. Saya ada-lah juga bersama² dengan sahabat² saya tadi yang menyatakan dalam usaha Kementerian Perdagangan ini untuk memberi bekalan letrik di-negara ini, hendak-lah jangan tidak di-ambil berat untuk memberi bekalan letrik ini ka-kawasan luar bandar. Saya faham dalam peruntukan ini telah di-adakan bekalan letrik di-luar bandar, tetapi pehak Lembaga Letrik ini dalam usaha mengadakan bekalan api di-luar² bandar itu ada-lah juga memandang kapada segi perdagangan, atau segi perniagaan dan keuntungan, tidak bersungguh² hendak memberikan keperluan² bekalan api ini kapada penduduk² luar bandar yang mana mukim-nya itu tidak ada mempunyai perusahaan² yang akan memberi keuntungan kapada bekalan letrik yang di-adakan di-mukim² tersebut.

Saperti di-kawasan saya dalam Daerah Kubang Pasu, ia-itu Mukim Bukit Tinggi, Kepala Batas ada tiga buah kampung, ia-itu Kampong Tinggi, Kampong Hilir dan Kepala Serdang yang ada penduduk lebeh kurang 300 orang dan rumah lebeh daripada 100 buah. Sejak tahun 1965 penduduk² di-kawasan ini telah memohon bekalan api hingga-lah sekarang mereka itu maseh belum berjaya dan menjerit² lagi dan mereka telah bosan dengan permintaan², atau permohonan mereka ini tidak berjaya, dan apa-kah pula keputusan² yang akan di-beri terhadap permohonan mereka yang baharu. Dalam permohonan mereka yang begitu lama pehak Lembaga ini, atau LLN, telah pernah mengadakan siasatan dan telah pernah mengadakan anggaran dengan mengadakan anggaran yang begitu besar lebeh daripada \$8 ribu. Dengan bekalan anggaran yang begitu besar, maka telah di-beri tahu kapada saya sa-bagai Wakil Ra'ayat di-sana mengatakan Lembaga ini tidak dapat hendak mengadakan bekalan api

di-mukim tersebut dengan sebab dari segi perniagaan tidak ada keuntungan. Dengan jawapan yang saperti itu penduduk² di-kawasan itu sa-kali lagi mendesak dan saya pun telah membuat permintaan kapada Menteri Perdagangan sendiri dan juga melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, maka pehak Lembaga ini sa-kali lagi telah mengadakan siasatan. Apabila di-adakan siasatan, mengadakan peruntukan sa-banyak lebeh kurang \$57 ribu yang sa-mata² untuk mengadakan bekalan letrik kapada rumah ka-rumah dan chara ini boleh di-perbuat, tetapi sa-hingga hari ini atas anggaran itu yang telah di-buat oleh pehak Lembaga, pehak Kementerian ini belum lagi memberi akuan yang sa-benar²-nya, apa-kah anggaran yang telah di-buat dengan begitu kechil itu akan dapat di-adakan bekalan api letrik di-mukim yang saya sebutkan tadi. Maka ini-lah penduduk² di-luar Bandar telah memberi gelaran kapada LLN ini yang mengatakan Lembaga Letrik ini di-usahakan, atau di-adakan ada-lah sa-mata² untuk hendak menchari keuntungan sahaja—tidak hendak memberikan kemudahan² keperluan kapada penduduk² di-luar bandar terutama kapada penduduk² luar bandar yang mukim-nya tidak begitu jauh ka-kampung, bahkan di-luar² kampung mereka itu telah pun mempunyai wire letrik, maka mereka berkata kapada saya bagi orang² luar bandar ini LLN ini kata-nya: Longkak, Langut, Nganga, kerana melihat sahaja wire lalu di-kampung mereka itu.

Jadi, ini-lah yang saya hendak sampaikan bagi pehak penduduk di-kawasan yang saya sebutkan tadi dan berharap terutama-nya Yang Berhormat Menteri sendiri akan memberi pertimbangan yang sa-wajar-nya kapada penduduk² yang saya sebutkan tadi supaya tahun ini juga dapat di-adakan bekalan letrik itu bagi permohonan mereka itu di-tunaikan. Terima kaseh.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to thank all Honourable Members for their support of my Ministry's request

for development funds. Practically every Member spoke on the problems of rural electrification.

Sir, I would like to repeat in this House that they should not blame the *Lembaga Letrik Negara*, nor the Kinta Electrical Distribution Company. These two bodies are, in fact, commercial bodies and naturally they are not expected to run projects that are not economic. The Government realises that.

The Honourable Member for Hilir Perak suggested that the Government should adopt a new policy so that, whether or not it is economic, supplies of electricity should be given to the rural people. Sir, I would like to remind this House that, since the day the Alliance became the Government, we have already started this so-called new policy, that is to say, every year the Government has come to this House, as I am coming here today, to get a grant to subsidise rural electrification. Sir, as a result of these years of development or expansion of electrical supplies to the rural areas, the Government has spent, out of its funds, \$43 million to supply, up to the end of 1968, 1,005 kampongs which benefit almost one million rural people. Sir, I admit, and I do say, that this is not enough, but we have to do this by stages. That is why every year we come to this House to get grants to subsidise all these uneconomic projects in the rural areas. The Government pays the money, puts it in these electric wires, so that electricity can go there. This new policy is already in existence, but Honourable Members must realise that every year I get only \$2.5 million or around that figure. There are eleven States in West Malaysia, which means that each State can get round about \$200,000 per year for rural electrification. So, the progress has to be slow. And all Honourable Members should have been, and should be, members of the Rural Development Executive Committee at the District level. It is at that level that requests for rural electrification are entered into the Red Book—I think all of you know that—and it is the responsibility of the District Rural Development Committee to arrange the priority of their kam-

pongs to get electricity supply. These then are collected from all the 104 Constituencies and sent on to the State Governments who, through their State Development Boards, again put up State priorities for the different rural electrification projects for the year. These then come up to the Federal Government, to my Ministry where, in conjunction with the Ministry of National and Rural Development, we sit down and work out to try to give all a fair share of this money so that as many people as possible benefit with the minimum costs; and as a yardstick, we work on the basis that rural electrification would be given to a kampong if it does not cost more than \$800 per house as subsidy. So, in that way these priorities have to occur, and I agree with Honourable Members that there are many kampongs which have already waited for many years and still have not got the supply. However, there must be a system of priority, because we have not got all that money to spend at one time. Every year we shall be coming back to this House asking for money, and I would say to Honourable Members, who feel that they have been discriminated against in this priority—some have accused that whilst they have pushed it very hard at the district level, the State Development Board has ignored them—that as they are Members of Parliament I have already given them an opportunity to put in their bids direct to me, and I think some Honourable Members have been able to push some of their urgent and deserving projects in 1968. This method is still open for 1969, and I certainly hope that my Ministry will try and do what we can to help as many people as possible at minimum costs. So, I do hope that the Honourable Members will explain to the rural people that it is not the N.E.B. that is at fault. If anything, it is the Government, because we do not have that much money to give rural electrification to everybody at the same time.

Sir, the Honourable Member for Melaka Selatan wants to know whether or not Gunong Ledang is included in the Tourism estimate. My answer to that is “No”, simply because it is the

general policy that tourist projects, or tourist sites, should be developed by the State Governments wherever possible, and only where it is thought that it would benefit the nation as a whole, and that it is a top priority, then, perhaps, you might get some money from the Central Government.

The Honourable Member for Melaka Selatan also suggested that the Co-operative Society of Padi Growers in Malacca has many available godown space which he can offer to my Ministry free of rent. I shall certainly look into that one.

The Honourable Member for Seberang Prai suggested that replanting grants should be spent for diversification of agriculture. The Honourable Member, perhaps, may not have been aware, or perhaps has not remembered that replanting of rubber need not necessarily mean that any smallholders or estates who are entitled to this grant cannot diversify. They can replant with either any one of the approved crops like palm oil, padi, cocoa and even coconut, and they will get the same grant.

The Honourable Member for Besut suggested that in areas, where they have replanted from rubber to palm oil, my Ministry should give some assistance to these new smallholders to ensure marketing of their products through the F.L.D.A. or private sector or oil mills. Sir, this is a matter I will certainly look into.

The Honourable Member for Seberang Prai suggested that all research in this country should be centralised. That certainly is ideal but, perhaps, at this stage not very practical. He also suggested that there should be a central large five or six-storey building where all locally manufactured goods could be exhibited. May I inform him that the Manufacturers' Association of Malaysia already has a display centre at the Chartered Bank Building in Ampang Road, Kuala Lumpur, and I will certainly extend this invitation to him and to all other Honourable Members to visit this display centre where locally manufactured goods are on display.

The Honourable Member for Krian Laut said that the L.L.N. has been unreasonable and should consult the District Rural Development Committee. May I advise him that he, being a member of the District Rural Development Committee, ought to know that a L.L.N. representative is on the Committee as one of the members and that the decision as to whether a project is to be taken or not, is not within the hands of the L.L.N., but with the Ministry of National and Rural Development.

On the problem of Titi Serong, I shall certainly look into that one, again.

Mr Chairman, Sir, I think I have covered practically all the points raised, and I do hope that my Ministry's request will be approved.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$43,038,675 dan \$2,500,010 untuk Kepala 121 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang hari ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 12 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Jawatan-kuasa

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mengingatkan Ahli² Yang Berhormat, ia-itu ada sembilan Kementerian lagi yang patut kita habiskan hingga pukul

1.00 pada hari esok. Jadi, berma'ana-lah tiap² satu Kementerian itu mengambil lebih kurang sa-tengah jam sahaja. Dari itu saya merayu-lah kapada Ahli² Yang Berhormat berchakap sa-berapa pendek supaya dapat kita habiskan Kementerian ini hingga pukul 1.00 hari esok.

Kepala 122—

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan ia-itu perbelanjaan sa-banyak \$90.5 juta di bawah Kepala 122 dalam Anggaran Pembangunan, 1969, menjadi sa-bahagian daripada jadual.

Jumlah peruntokan ini melebihi peruntokan bagi tahun 1968 sa-banyak \$0.5 juta dan kelebihan peruntokan ini ada-lah bagi negeri Sabah menjadikan peruntokan perbelanjaan bagi ranchangan² pembangunan di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor seperti berikut:

\$77.0 juta bagi Malaysia Barat,

\$6.5 juta bagi Sabah, dan

\$7.0 juta bagi Sarawak.

Saya rasa tidak-lah payah di-terangkan lagi dengan panjang lebar tentang dasar² dan matlamat² Kementerian saya, kerana segala yang mustahak di-perkatakan sudah pun di-jelaskan sa-masa Anggaran Belanjawan Biasa bagi Kementerian saya di-kemukakan dalam Dewan ini. Walau pun demikian, saya suka juga hendak mengambil kesempatan ini untuk menerangkan dengan ringkas akan kemajuan² yang telah di-chapai dari segi pembangunan dalam tahun 1968 dan juga ranchangan² yang hendak dilaksanakan dalam tahun 1969 ini.

Malaysia Barat

Di-Malaysia Barat sa-banyak 950 buah bilek darjah tambahan telah di-siapkan bagi sekolah rendah dalam tahun 1968. Berkenaan dengan sekolah menengah pula, sa-banyak 400 buah bilek darjah, 50 buah makmal sains, 35 buah makmal sains rumah tangga dan 8 bengkel seni perusahaan telah di-bena. Sa-lain daripada itu, beberapa buah sekolah rendah dan sekolah me-

nengah telah di-perbaiki dan di-tambah kemudahan²-nya seperti mengadakan ayer paip, api letrik, kantin, padang² permainan dan tandas² berbentuk moden. Dalam tahun 1969 ini, Kementerian saya akan terus meluaskan kemudahan² ini untuk memenuhi keperluan murid² yang kian bertambah ramai bilangannya.

Sa-banyak \$52.1 juta, ia-itu lebih kurang 68% daripada jumlah peruntokan bagi Malaysia Barat, di-chadangkan akan di-belanjakan untuk pelajaran rendah dan menengah. Daripada wang ini, lebih daripada 1,000 buah bilek darjah tambahan akan dapat di-bena di-peringkat pelajaran rendah dan sa-banyak 650 bilek darjah tambahan, 86 buah makmal sains, 59 buah makmal sains rumah tangga dan 10 buah workshop seni perusahaan akan dapat di-bena bagi sekolah² menengah. Banyak sekolah² rendah yang telah di-dirikan oleh orang² ramai akan di-gantikan dengan bangunan² baharu dan di-peringkat menengah pula banyak sekolah² baharu akan di-dirikan.

Di-peringkat pelajaran menengah, sa-lain daripada mendirikan sekolah² baharu dan mengadakan bilek² darjah tambahan dan kemudahan² seperti yang di-sebutkan tadi, ada-lah menjadi tujuan Kementerian saya untuk memperbanyak dan memperluaskan lagi peluang² dalam bidang pelajaran teknik dan vokeshenal. Tiga buah sekolah menengah teknik telah pun siap di-bena dan akan mengambil pelajar² dalam tahun ini. Sa-banyak 5 buah lagi ada-lah di-ranchangkan untuk di-bena dengan wang pinjaman dari World Bank. Dalam bidang pelajaran vokeshenal pula, sa-banyak 3 buah sekolah lanjutan kampung dan 4 buah sekolah pertukangan (Trade Schools) telah pun sempurna ditukarkan menjadi sekolah² menengah vokeshenal. Dalam tahun 1969 ini, sa-banyak \$4.73 juta di-jangka akan digunakan untuk menyiapkan 7 buah sekolah vokeshenal yang di-sebutkan tadi dan sa-banyak 6 buah sekolah baharu di-mulakan pembenaannya di-samping menukarkan 2 buah lagi sekolah lanjutan kampung kepada

sekolah² menengah vokeshenal pertanian. Bagi melaksanakan projek² pembangunan di-lapangan pelajaran vokeshenal ini juga, Kementerian saya berharap mendapat pinjaman wang dari World Bank dan nampak-nya ada tanda² yang menunjukkan bahawa pinjaman ini akan dapat di-perolehi dalam tahun ini.

Sa-banyak \$5.34 juta ada-lah diperuntukkan bagi Politeknik di-Ipoh, Maktab Teknik di-Kuala Lumpur dan Maktab Pertanian di-Serdang. Sa-banyak \$2.6 juta akan di-belanjakan bagi Politeknik untuk peringkat pertama dan ada-lah di-jangkakan bahawa Politeknik ini akan mengambil pelajar² pertama-nya dalam pertengahan tahun ini. Sa-banyak \$1.5 juta akan di-belanjakan untuk Maktab Teknik, Kuala Lumpur, bagi menambahkan kelengkapan² dan juga mengadakan bangunan² tambahan bagi kuliah dan makmal, dan sa-banyak \$1.1 juta lagi untuk Maktab Pertanian, Serdang, bagi ranchangan² hendak memperbesarkan lagi Kolej itu. Dengan melaksanakan projek² tambahan di-kedua² buah Maktab ini, maka dapat-lah Maktab² itu menambahkan bilangan pelajar²-nya. Umpama-nya, ada-lah di-anggarkan bahawa dengan perlaksanaan projek² pembangunan itu, Maktab Pertanian, Serdang, akan dapat mengambil kira² 560 orang penuntut² dalam tahun 1969 berbanding dengan hanya 265 orang penuntut sahaja dalam tahun 1966.

Sa-banyak \$6.4 juta ada-lah diperuntukkan bagi projek² pembenaan di-Universiti Malaya. Projek² ini termasuk-lah projek² tambahan dalam Fakulti² Sains, Sastera, Kejuruteraan, Pelajaran, Pertanian, Ekonomi dan Pentadbiran 'Am dan bagi Kutubkhanah dan asrama² dengan tujuan supaya universiti itu dapat menepati matlamat-nya untuk memberi tempat kepada sa-kurang²-nya 7,000 pelajar dalam tahun akademik 1970/71 berbanding dengan 2,225 orang dalam tahun akademik 1964/65.

Dalam lapangan latihan guru pula, peruntukan sa-banyak \$2.5 juta ada-lah di-chadangkan bagi tahun ini untuk

menyiapkan projek² yang sedang di-jalankan di-enam buah Maktab Perguruan dan sa-buah Maktab Perguruan Pertukangan (Trade Teachers' Training College) bagi pelajaran menengah, dan 5 Maktab Perguruan bagi pelajaran rendah dan juga sa-bagai sumbangan kita kepada projek² SEAMEC di-Pulau Pinang. Projek SEAMEC ini ia-lah projek untuk membena Pusat Daerah bagi Pendidikan Sains dan Ilmu Hisab.

Sa-banyak \$2.2 juta ada-lah diperuntukkan untuk membolehkan Kementerian saya memberi bantuan² modal kepada sekolah² yang bukan kepunyaan Kerajaan untuk menyiapkan dan menambahkan lagi projek² pembenaan di-sekolah² berkenaan.

Projek² lain yang akan di-jalankan dalam tahun 1969 ini termasuk-lah pembenaan rumah² guru di-luar bandar, Asrama² Pusat, Pejabat Ketua² Pegawai Pelajaran Negeri, Pusat² untuk pelajaran² di-seberang Laut, sa-buah Sekolah Khas dan projek untuk menyiapkan pembenaan tambahan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Malaysia Timor

Projek² pembangunan di-Sabah sedang berjalan dengan memuaskan. Sa-banyak \$1.6 juta ada-lah diperuntukkan bagi ranchangan² pelajaran rendah yang di-jangka akan menghasilkan pembenaan sa-banyak 139 bilek darjah tambahan dan 68 buah rumah² guru. Projek² ini ia-lah bagi menyambong projek² yang telah di-jalankan dalam tahun 1968 yang memakan belanja sa-banyak \$1.1 juta. Sa-banyak \$3.6 juta ada-lah diperuntukkan bagi ranchangan² pelajaran menengah untuk mendirikan 68 bilek darjah tambahan, 23 bilek Ilmu Khas, 7 buah makmal sains, 48 buah rumah guru² dan 5 buah asrama, dan peruntukan ini ada-lah di-fikirkan sesuai bagi bantuan wang dari luar. Sa-lain daripada itu, projek² pembenaan di-Sabah termasuk-lah projek² pembenaan di-Sekolah Menengah Vokeshenal di-Likas yang termasuk di-dalam bidang pelajaran teknik, projek² pembangunan tambahan di-Gaya College, Kota Kinabalu, dan

Maktab Perguruan di-Sandakan di-dalam bidang ranchangan latehan guru.

Sa-bagaimana dalam tahun² yang lepas, sa-banyak \$800,000 ada-lah di-peruntokkan bagi memberi bantuan² modal kepada sekolah² yang menerima bantuan² ini di-kedua² peringkat ia-itu di-peringkat rendah dan menengah. Peruntokan ini ia-lah untuk membantu pembenaan 46 bilek darjah tambahan dan 10 buah rumah² guru di-peringkat pelajaran rendah dan 51 bilek darjah tambahan, 8 bilek ilmu Khas, 9 buah makmal sains dan 7 buah rumah² guru bagi peringkat pelajaran menengah.

Sarawak

Sa-banyak \$4.4 juta ada-lah di-untokkan bagi membena projek² di-peringkat pelajaran menengah di-Sarawak. Sa-banyak \$2.2 juta ada-lah di-jangka akan di-gunakan bagi projek² baru manakala yang sa-lebih-nya untuk menyiapkan projek² lama yang sedang berjalan. Peruntokan ini ada-lah di-kira sesuai bagi bantuan wang dari luar. Sa-banyak \$1.8 juta ada-lah di-peruntokkan bagi memberi bantuan² modal kepada badan² pelajaran di-kedua² peringkat ia-itu pelajaran rendah dan pelajaran menengah. Hanya sa-banyak \$8,000 sahaja di-untokkan bagi ranchangan latehan guru kerana dengan siap-nya tiga buah Maktab Perguruan tambahan di-Sarawak dalam tahun 1968. Sarawak mempunyai chukup Maktab² Perguruan untuk mengeluarkan guru² yang di-perlukan oleh-nya. Sa-banyak \$5,000 lagi ada-lah di-untokkan bagi membeli alat² penyiaran radio ka-sekolah². Per-untokan ini ia-lah sa-bagai peruntokan tambahan kepada peruntokan² yang telah di-beri dalam tahun² yang lepas.

Saperti dalam tahun 1968, ranchangan pelajaran di-Sarawak ada-lah menitek-beratkan pelajaran menengah dan vokeshenal. Projek² pelajaran menengah sedang berjalan dengan memuaskan dan sa-banyak \$500,000 ada-lah di-untokkan bagi meneruskan pembenaan Sekolah Menengah Vokeshenal di-Kuching. Peruntokan ini di-fikirkan sesuai bagi membiayai dari

wang dari luar. Sa-banyak \$200,000 ada-lah di-peruntokkan bagi pinjaman kepada Badan² Pengurus Sekolah sa-bagaimana yang telah di-perbuat dalam tahun² yang lepas.

Tuan Pengerusi, dengan keterangan² yang telah saya sebutkan tadi, saya pohon menchadangkan.

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, pada tiap² kali Dewan ini membahatkan peruntokan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pada tahun² yang lepas, saya telah mengambil peluang membangkitkan perkara masaalah pengambilan aleh sekolah ra'ayat di-Kelantan oleh Kementerian Pelajaran. Pada kali ini, saya dengan amat sukachita-nya mema'alumkan bahawa pengambilan aleh sekolah ra'ayat itu telah di-sempurnakan dua tahun dahulu daripada masa yang di-jangka. Maka wajib-lah bagi saya yang telah mende-sak perkara ini pada tahun² yang lepas menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri sendiri, kepada Kementerian dan juga kepada pegawai² yang bersangkutan paut di-Kelantan, terutama-nya Ketua Pegawai Pelajaran di-negeri Kelantan. Ini-lah satu perkara yang saya sendiri, dan saya perchaya ra'ayat² Kelantan, berbangga dengan sa-penoh-nya. Ini-lah satu gerakan yang menunjukkan sa-benar-nya Kementerian Pelajaran dan Yang Berhormat Menteri meng-ambil berat benar pada menjayakan ranchangan pelajaran di-sabua negeri yang mundor, saperti negeri saya sendiri.

Satu masaalah yang saya suka bangkitkan di-sini, ia-lah berkenaan dengan guru² yang menjadi guru di-sekolah ra'ayat dahulu. Saya faham mana² guru yang ada mempunyai Sijil Rendah Pelajaran, atau L.C.E., ada di-beri latehan *professional* kepada mereka kesemua, tetapi mana² guru daripada sekolah ra'ayat yang tidak ada kebolehan atau tidak ada Sijil Rendah Pelajaran telah di-beri kepada mereka peluang sa-lama dua tahun menuntut belajar lagi supaya mereka memperolehi Sijil Rendah Pelajaran. Di-beri peluang itu rasa saya, kalau

saya faham betul, hingga pada akhir tahun ini. Dan kalau mereka tidak berjaya maka tidak-lah dapat mereka itu melanjutkan khidmat mereka sa-bagai guru. Bagi pehak saya, saya perchaya guru² ini tentu-lah sedang belajar dengan chekap-nya tetapi saya berharap kepada mereka² yang bertanggung-jawab akan memberi sa-chukup² pimpinan, galakan dan panduan supaya mereka tidak gagal di-dalam pepereksaan akhir tahun ini. Kalau mereka itu gagal oleh sebab mereka itu pada tahun² yang lepas telah bertugas sa-bagai guru dan tidak boleh mereka itu menyambong perkhidmatan sa-bagai guru maka masa hidup mereka akan datang tentu-lah menjadi gelap. Ini-lah permintaan saya supaya di-beri pimpinan, galakan dan panduan tepat dengan sa-baik²-nya kepada guru² ini supaya mereka itu akan berjaya dengan sa-penoh-nya.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I would like to support the allocations for Head 122, Sub-heads 41 and 42 in connection with Secondary Schools and Capital Assistance to Educational Agencies.

Mr Chairman, Sir, expenditure on education is a vital investment to any country and for our nation, which has more than sixty per cent of the population under 25 years old, this expenditure becomes a matter of long-term survival. In time to come, the future and survival of Malaysia will depend primarily on how we go about training up our youths and our students into well-educated, capable, intelligent and dynamic citizens, well equipped to meet any future trials and tribulations.

In spite of the fact that about one-quarter of our total Budget is spent on education, the clamour for more and better educational facilities and for schools is still very keen. In this respect, I would like to submit a suggestion for the Government to encourage, to assist and to go all out to promote the setting up of first-class private schools open to all races run by philanthropists, religious missions and private well-to-do people and

organisations. Sir, I have in mind first-class educational institutions run along the lines of Eton, Harrow, Gordonston in England and Scotland, and Geelong College in Australia. These institutions should have extremely high standard and staffed with first-class teachers and teaching facilities and equipment, and should be allowed to charge whatever fees consistent with the quality and standard of their teaching. In addition, emphasis should be placed on character and physical training among students such as those provided and practised in Outward Bound schools. These should be made available to all bright youths of all races regardless of social or economic standing. Poor deserving students must be provided places in such institutions and assisted with scholarships and subsidy schemes provided by the schools themselves, by wealthy philanthropists, or by the various Government and quasi-Government bodies in this country.

Sir, if such first-class private educational institutions are brought into existence by active encouragement on the part of the Government, they would lessen the ever-growing load of responsibility for education, which the Government must bear for the present and for the future. Encouragement and assistance, like exemption of income tax to the schools and to the scholarship-givers, assistance in securing land on easy terms for buildings and playgrounds, etc., are essential to the setting up of such institutions.

The benefits which the country could derive could be considerable, and would moreover be brought into existence with very little cost to the public purse.

Such educational institutions maintaining the highest possible standards of training in character, academic and physical training would produce youths, who will be intelligent, strong-charactered and able as well as physically fit and highly adaptable, and thus providing the backbone for the future growth of a first-class nation. Sir, this is tremendously important in view of the acute problem of survival

of all small nations in South East Asia, which is now in the midst of agitation, turmoil and violence. Our survival will depend on the excellence of our youths, who will be the leading citizens of tomorrow. These institutions, which I am suggesting, will make a vital contribution to the pool of talents and thus ensure that this nation, this Malaysia, will endure till the end of time.

Tuan Rafael Ancheta (Sabah): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dengan rengkas-nya. Izinkan-lah saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana telah menjayakan berbagai ranchangan dalam segi pelajaran di-negeri kita Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, Kepala 123, Pechahan-kepala 32, Ranchangan Sekolah² Menengah, suka-lah saya mengambil kesempatan berchakap membawa perkara ini ka-Dewan ini. Sekolah Menengah di-Sabah telah di-jalankan oleh Kerajaan di-mana² tempat yang sesuai. Berhubung dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, ingin-lah saya menyebutkan Sekolah Menengah Kerajaan di-kawasan saya, Lahad Datu, bahawa Sekolah Menengah ini telah di-jalankan beberapa tahun yang sudah, atas kesulitan-nya sekolah ini belum ada bangunan-nya, chuma menumpang sahaja di-Sekolah Rendah Kebangsaan. Kalau di-pandang keadaan-nya, tidak-lah begitu sesuai berchampur dua jenis sekolah; akibat-nya menimbulkan perselisihan faham di-antara guru² sekolah masing². Kita chuba mengawasi supaya jangan ada perselisihan faham timbul di-antara guru². Tuan Pengerusi, yang sa-benarnya soal ini telah di-binchangkan dalam meshuarat Local Education Committee di-daerah itu dengan mendapat sokongan penoh atas pembenaan bangunan sekolah itu tetapi hingga sekarang belum ada di-jelaskan. Saya berharap kapada Menteri berkenaan, ia-itu pembenaan satu bangunan sekolah untuk Sekolah Menengah di-Lahad Datu ini dapat di-adakan sa-berapa segera—tanah untuk sekolah ini ada memang sedia.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, ia-itu guru Bahasa Kebangsaan di-sekolah menengah ini belum ada di-khaskan. Di-harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat menyiasat supaya guru Bahasa Kebangsaan dapat di-adakan di-sekolah menengah ini. Perkara ini saya yakin sangat² mustahak. Sekian-lah.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor):

Tuan Pengerusi, saya ada-lah mengambil peluang untuk memberikan sokongan kapada wang peruntukan yang telah di-minta oleh Kementerian Pelajaran. Di-samping menguchapkan sa-tinggi² tahniah, yang mana kami ingin berchakap dalam Kementerian Pelajaran ia-itu Pechahan-kepala 42, Kerajaan kita telah menggalakkan bumiputra supaya menumpukan pelajaran mereka di-dalam aliran sains dan teknologi. Akan tetapi oleh sebab buku² di-dalam Bahasa Kebangsaan maseh banyak lagi kekurangan untuk di-gunakan oleh pelajar² yang menggunakan Bahasa Kebangsaan, maka patut-lah Kerajaan menumpukan usaha atau tenaga untuk menambahkan buku² terjemahan Bahasa Kebangsaan atau pun menggalakkan pegawai² Melayu yang mempunyai kelulusan supaya mengarang buku² di-dalam kedua² bahagian ini. Saya perchaya kebanyakan pegawai² ini yang telah dapat biasiswa daripada Kerajaan boleh-lah mereka² ini meluangkan masa untuk mengarang buku² atau menterjemahkan buku² di-dalam bahasa Inggeris kapada Bahasa Kebangsaan bagi kepentingan bangsa dan negara, dan tentu-lah tidak menjadi bebanan yang berat kapada mereka untuk membalas jasa Kerajaan dengan chara demikian, dan Kerajaan juga tidak akan sia²kan pula sumbangan mereka itu dengan chara membayar bonus yang sesuai kapada mereka. Saya harap Pengarah Dewan Bahasa yang baharu ini dapat menumpukan masa beliau untuk mengatasi kesulitan ini supaya sesuai dengan tujuan Kerajaan untuk menggalakkan bumiputra di-dalam bahagian sains dan teknologi.

Dalam Pechahan-kepala 41, ia-itu Sekolah Menengah, saya juga merayu kepada pehak Kementerian ini supaya dapat melaksanakan dengan sa-chepat mungkin sa-buah sekolah menengah di-kawasan Johor Bahru Timor yang letak-nya di-Kampung Larkin supaya dapat segera di-dirikan kerana sangat-lah penting memandangkan anak² kita bertambah ramai untuk memasuki sekolah menengah ini yang kita tahu pada hari ini kekurangan sekolah menengah yang letak-nya di-dalam kawasan Johor Bahru Timor yang mana di-chadangkan sa-buah sekolah menengah akan di-dirikan di-Kampung Larkin. Maka kita harap supaya bangunan sekolah menengah ini dapat di-beri peruntukan dengan sa-chepat mungkin. Sa-kian-lah.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, sa-belum saya berchakap di-sini, suka saya menyampaikan ucapan terima kasih yang sa-tinggi²-nya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-atas jasa baik-nya bagi mengadakan beberapa buah sekolah sama ada menengah atau pun sekolah rendah di-dalam kawasan saya, Sabak Bernam, dan satu sahaja perkara yang saya ingin hendak menyentoh lagi kerana kekurangan lagi sa-buah sekolah menengah ia-itu di-Bagan Terap. Di-Bagan Terap ini ada-lah satu kawasan yang besar dan di-sana akan ada pembukaan tanah yang di-buka oleh Kerajaan Selangor yang mana bilangan murid² di-sana makin lama sa-makin bertambah dan pada masa ini ada sa-banyak 5 buah sekolah yang berhampiran di-sana terpaksa pergi belajar ka-Sungai Besar, ya'ani lebeh kurang dalam 10 batu dari Kampong yang tersebut. Jadi, oleh itu sangat-lah mustahak sa-kira-nya Kementerian Pelajaran dapat memberi jasa baik bagi mendirikan sa-buah sekolah menengah lagi di-Kampung Bagan Terap.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh di-dalam Pelajaran Rendah ya'ani Pechahan-kepala 1. Saya suka memberi pandangan kepada Kementerian ini berhubung dengan ada-nya sa-buah sekolah rendah yang

di-gunakan oleh tiga jurusan, ya'ani sekolah ini letak-nya di-Lurah Belut di-dalam Lembaga Kemajuan Tanah di-negeri Pahang. Sekolah ini telah pun agak lama umur-nya dan di-sebelah pagi di-gunakan oleh sekolah kebangsaan dan di-sebelah petang di-gunakan oleh sekolah jenis kebangsaan China dan jenis kebangsaan India. Jadi, oleh kerana itu ada tiga jurusan untuk di-ajarkan di-sebuah sekolah ini. Kejadian² salah faham di-antara guru² itu telah pun terjadi dan menyusahkan pentadbiran di-sekolah itu. Jadi, saya harap sangat kepada Kementerian ini akan dapat mendirikan sekolah rendah di-sana yang khas untuk Bahasa Kebangsaan dan sa-buah sekolah jenis kebangsaan China dan sa-buah sekolah jenis kebangsaan India. Lurah Belut ada-lah penduduk²-nya terdiri daripada tiga bangsa yang menjadi peserta² di-dalam ranchangan tanah di-sana.

Yang ketiga-nya, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap di-dalam Pelajaran Menengah, Pechahan-kepala 2. Ini juga saya harap akan dapat jasa baik daripada Kementerian Pelajaran di-mana satu ranchangan tanah di-Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-Kulai, penduduk²-nya ada lebeh kurang 15,000 orang dan luas kawasan itu lebeh kurang 20,000 ekar. Saya telah melawat ranchangan itu baharu² ini dan saya dapat tahu anak² peserta di-sana terpaksa pergi belajar dengan membayar sewa bas di-antara \$6.00 hingga \$12.00. Walau pun ini bukan kawasan saya tetapi memandangkan perlu-nya tempat itu di-adakan sa-buah sekolah menengah, saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat membuat penyiasatan bagi kemungkinan mendirikan sa-buah sekolah menengah di-ranchangan Tanah Kulai.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pelajaran pertanian, ia-itu menengah lanjutan. Ini ada-lah satu chara yang paling baik sa-kali yang sangat² patut kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang mengambil berat bagi melanjutkan pelajaran di-dalam bidang pertanian kepada anak² kita yang di-fikirkan gagal bagi melanjutkan pelajaran-nya.

Apa yang saya fikir mustahak bagi saya memberi sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Menteri, sa-kiranya dapat pelajaran lanjutan pertanian yang sa-rupa ini kita dirikan di-dalam kawasan² pertanian yang di-fikirkan tempat itu lebih sesuai kerana murid² ini bukan hanya akan belajar daripada segi academic sahaja tetapi mustahak murid ini akan dapat menjalankan kerja practical di-dalam kawasan pertanian yang berhampiran. Sa-lain daripada itu mereka² juga akan dapat hidup di-dalam keadaan semangat dan masyarakat pertanian yang akan memberi semangat dan kesedaran bagi memajukan masalah pertanian apabila murid² ini telah lulus kelak. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran di-bawah Kepala 122 ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana menjalankan tugasnya dengan baik dan chekap itu.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 1 dan 2, Pelajaran Rendah dan Pelajaran Menengah, Tuan Pengerusi, saya berharap Kerajaan akan bergiat lagi meninggikan mutu sekolah² rendah dan menengah yang ada di-luar kawasan bandar. Ini boleh di-buat dengan di-beri lebih baik dan lebih banyak lagi kemudahan² kepada mereka seperti yang di-berikan kepada sekolah² yang ada di-dalam kawasan² bandar, seperti Kutub-khanah, alat² sains, atau pun makmal sains, guru² yang lebih baik dan lebih berpengalaman, bangunan² yang lebih baik dan lain² lagi.

Kalau kita lihat keputusan pepereksaan yang di-anjorkan sama ada dalam negeri atau pun seberang laut, kita akan dapati mereka² yang datang dari sekolah² luar kawasan bandar ada-lah jauh lebih mundur dari mereka² yang datang dari sekolah² dalam bandar yang di-lengkapkan dengan kemudahan² yang lebih baik. Saya perchaya, Tuan Pengerusi, kemundoran itu adalah di-sebabkan kurang-nya kemudahan² yang baik di-dalam sekolah²

di-luar kawasan bandar. Untuk mewujudkan persefahaman yang baik dan bagi menjamin kepentingan, keamanan, dan menchipta masyarakat yang sa-imbang, saya shorkan supaya Kerajaan menghapuskan perbezaan yang ada ini dan Kerajaan mustahak bertindak dengan tegas dan dengan segera.

Tuan Pengerusi, Kerajaan mustahak menchari sa-ribu macham ikhtiar untuk menghadapi masaalah ini, kalau tidak, saya bimbang bila² masa pun murid² di-luar kawasan bandar tertinggal di-belakang di-dalam lapangan pelajaran tinggi. Kadang² kalau ada wang pun tetapi tidak ada kelulusan yang chukup tidak juga boleh penuntut² itu masuk universiti. Tuan Pengerusi, kita mengetahui kelulusan yang baik bagi membolehkan penuntut² masuk universiti atau kolej bagi pelajaran tinggi ada-lah berasal dari pelajaran di-sekolah rendah dan menengah. Dari itu berma'ana-lah kalau asas pelajaran di-bawah-nya kurang kuat, sudah tentu kurang baik sa-kali harapan mereka untuk melanjutkan pelajaran tinggi di-kemudian hari kelak. Tuan Pengerusi, kita tahu universiti atau pun kolej tidak buat perbezaan tentang kelulusan syarat untuk masuk, ia-itu sama sahaja antara penuntut² dari sekolah luar bandar dengan sekolah² dalam bandar.

Tuan Pengerusi, sa-chara kebetulan banyak mereka² di-dalam sekolah² luar kawasan bandar ini terdiri daripada penuntut² bumiputra. Saya bukan berperasaan perkauman, tidak sa-kali², Tuan Pengerusi, hanya sa-kadar mahu adil antara penuntut² semua yang ada di-dalam negara kita ini. Akibat kemundoran pelajaran di-sekolah² luar kawasan bandar ini maka kita dapati kelulusan di-bidang pelajaran tinggi penuntut² bumiputra sangat-lah berkurangan jika di-bandingkan dengan mereka² yang bukan bumiputra. Ada-lah di-anggarkan dalam Universiti Malaya penuntut bumiputra hanya ada tidak lebih daripada 30%, di-England tidak lebih daripada 13%, di-Australia tidak lebih dari 10%, di-Amerika tidak lebih dari 6%, yang ada menuntut pelajaran tinggi. Di-Singapura pula,

Tuan Pengerusi, penuntut² bumiputra ada-lah terdiri tidak lebih daripada 15%; dan di-negeri² lain di-champor sa-kali tidak lebih dari 4%. Kekurangan bilangan penuntut² bumiputra dalam lapangan pelajaran tinggi ini ada-lah mendukachitakan, dan tidak boleh di-biarkan berpanjangan lama. Tuan Pengerusi, saya perchaya sekarang pun memang sudah ada usaha² Kerajaan untuk meninggikan lagi mutu sekolah² di-luar bandar ini, dan apa yang saya berharap ia-lah usaha ini akan di-pergiatkan lebih lagi dan langkah yang lebih berkesan di-ambil dengan segera.

Vocational School untuk belajar melateh kerja, Tuan Pengerusi, saya berharap sekolah vokeshenal akan di-adakan di-negeri Trengganu juga tidak berapa lama lagi oleh Kerajaan. Banyak mereka² yang lulus L.C.E. dan tidak lulus S.P.M. tidak ada tempat hendak pergi sekarang. Kalau ada sekolah vokeshenal di-sana, dapat-lah murid², baik yang senang atau yang susah, belajar di-sekolah itu. Kalau sekolah vokeshenal tidak ada di-negeri Trengganu sudah tentu, Tuan Pengerusi, banyak murid² yang berkelayakan tidak akan mampu menuntut di-sekolah yang ada di-luar daripada negeri Trengganu.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka menyokong pandangan yang telah di-kemukakan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, ia-itu menggalakkan sekolah² private, first class, di-adakan di-dalam negara kita Malaysia ini. Dengan adanya galakan saperti ini dan terdiri-nya sekolah² first class private ini, dapat-lah ahli² dermawan dan juga orang² yang berada menolong sa-berapa yang boleh di-dalam soal kewangan terhadap sekolah² ini demi untuk kebaikan mutu pelajaran di-dalam negara kita ini dan untuk kebaikan masyarakat kita umum-nya. Sekian-lah.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi pandangan² tentang pelajaran² kanak² kita serta Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir menegor mengenai Kementerian Pelajaran kerana terlambat mengambil alih sama sekolah² ra'ayat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya pun telah mengambil langkah untuk memenohkan kepada sekolah ra'ayat di-Kelantan.

Yang Berhormat itu juga berharap supaya guru² di-beri latihan profesional kepada Guru² Sekolah² Ra'ayat yang telah di-ambil alih itu. Kementerian Pelajaran telah pun memberi latihan professional kepada mereka yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran, ia-itu S.R.P.; bagi mereka yang belum mendapat S.R.P.; kita telah pun memberi mereka tempoh dua tahun lagi supaya mereka dapat memasuki latihan professional.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengshorkan Kerajaan mengadakan pembenaan sekolah² private. Kerajaan kita memang membenarkan orang² ramai mendirikan sekolah² private asalkan mengikut Undang² Pelajaran Kebangsaan. Sa-takat ini pun, memang-lah banyak Sekolah² Rendah dan Menengah Private di-negeri ini, dan sa-bagai contoh-nya yang akhir, ia-itu Kolej Taylor telah di-luluskan oleh Kementerian saya dan sa-buah bangunan baharu sedang di-dirikan di-Jalan Pantai untuk mendapatkan kanak² kita memasuki Kolej itu. Dan juga Kementerian saya pun telah meluluskan Sekolah Menengah Suwa di-Seremban, ia-itu Sekolah Menengah Chung Hwa yang telah di-daftarkan Tingkatan VI, ia-itu yang telah pun di-jalankan dua tahun yang lalu. Jadi, ini-lah satu bukti-nya Kerajaan khas-nya Kementerian saya akan menimbangkan kepada sekolah² suwa atau private itu, akan tetapi memang betul mesti-lah mengikut Undang² Pelajaran Kebangsaan dan juga pelajaran sekolah menengah itu akan dapat di-tinggikan.

Ahli Yang Berhormat dari Johore Bahru Timor mengatakan buku² sain kebangsaan tidak berapa menchukupi. Dewan Bahasa dan Pustaka sedang berusaha untuk mengeluarkan buku² text itu dalam Bahasa Kebangsaan.

Yang kedua, sa-buah sekolah menengah di-Mukim Johor Bahru, Tuan Pengerusi, ini sedang di-timbangkan oleh Kementerian saya.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, saya menguchapkan ribuan terima kasih. Beliau mengatakan penduduk² di-Kulai ada lebeh kurang 15,000 orang, dan anak² di-sana bersekolah di-tempat yang jauh sa-kali dan kena membayar tambang bas atau teksi yang berharga lebeh kurang \$6 hingga \$12. Perkara itu ada-lah di-siasat oleh Kementerian saya; dan beliau juga berharap Kementerian saya akan mendirikan sa-buah sekolah menengah di-Kulai—Kementerian saya akan mengkaji soal itu. Yang kedua, soal berkenaan dengan sekolah pertanian di-dirikan di-kawasan pertanian, ini akan di-timbangkan oleh Kolej Pertanian sediri. Sa-betul-nya dasar pelajaran Kementerian kita telah di-ubah untuk membolehkan anak² kita yang duduk di-kawasan luar bandar dapat peluang mempelajari sains pertanian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sabah berkata bahawa guru² bahasa kebangsaan tidak mencukupi; perkara itu Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan mengshorkan supaya mutu pelajaran akan di-tinggikan dan juga kemudahan² di-beri kepada sekolah² di-kawasan luar bandar. Tuan Pengerusi, sa-betul-nya, Kementerian saya telah mengambil langkah untuk meninggikan mutu pelajaran sekolah² yang sama yang ada di-tanah ayer kita, khas-nya kepada sekolah² di-kawasan luar bandar, akan tetapi kita mengharapkan kepada ibu bapa dan juga ahli² Lembaga Pengurus Sekolah dan juga guru², serta murid² sekalian akan bekerjasama dengan Kementerian saya. Saya perchaya di-masa yang akan datang mutu pelajaran di-kawasan² luar bandar boleh di-tinggikan.

Yang kedua-nya, Kementerian saya telah mengarahkan banyak guru² latehan yang baharu mengajar di-sekolah² di-kawasan luar bandar dan juga kelengkapan² telah di-berikan

kapada sekolah² di-luar bandar untuk meninggikan taraf pelajaran anak² kita yang ada di-kawasan luar bandar juga.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penuntut² di-dalam universiti, itu-lah satu soal yang bukan mengikut chakapan sahaja, akan tetapi kita mesti mengambil langkah supaya penuntut² bumiputra akan di-tambah di-sekolah² kolej atau sekolah² universiti, tetapi kita dapati penuntut² bumiputra selalu mengambil bahagian sastera, atau bahagian mata pelajaran yang senang. Oleh sebab itu Kementerian saya telah mengubahkan dasar pada tahun yang lalu; jadi, sa-tiap² murid itu terpaksa mengambil mata pelajaran sains dalam peperiksaan L.C.E. Mata pelajaran sains itu sangat mustahak, dan oleh sebab itu penuntut² di-kawasan luar bandar, khas-nya di-sekolah² kebangsaan itu telah mengambil mata pelajaran sains tahun yang lepas. Jadi, saya sangat suka-hati memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan ini, ada-lah berjumlah 30 ribu penuntut² Melayu mengambil bahagian sains di-dalam L.C.E. tahun yang lalu dan nampak-nya banyak penuntut² itu ada dapat lulus di-dalam peperiksaan itu.

Yang Berhormat itu mengshorkan juga supaya sa-buah sekolah vocational akan di-dirikan di-negeri Trengganu. Perkara itu boleh-lah dikajikan oleh Kementerian saya, dan jika boleh di-masa yang akan datang kita harap mengadakan sa-buah sekolah vocational di-negeri itu.

Itu-lah jawapan saya berkenaan dengan Kementerian saya, terima kasih.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$90,300,000 dan \$200,000 untuk Kepala 122 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan 1969.

Kepala 123—

Menteri Hal Ehwal Sabah (Dato' Ganie Gilong): Tuan Pengerusi, saya bangun mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Kesihatan di-bawah Kepala 123, Perubatan dan Kesihatan. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 1969 ada-lah

di-anggarkan sa-banyak \$35,373,598 ia-itu sa-banyak \$27,471,670 untuk Malaysia Barat dan \$7,901,928 untuk negeri Sarawak. Ada-lah di-ma'alumkan ia-itu bagi tahun 1969 negeri Sabah telah mengambil ketetapan mengadakan perbelanjaan pembangunan dari puncha wang negeri-nya sendiri dan tidak seperti dalam tahun 1968. Oleh itu di-bawah Rancangan Pembangunan untuk negeri Sabah, Kepala 123, Kepala-kecil 31 hingga 39 tiada ada apa² peruntokan wang perbelanjaan. Seperti dalam tahun² yang sudah jumlah peruntokan perbelanjaan asas Kementerian saya saka-lagi bersamaan dengan 4% daripada jumlah Anggaran Pembangunan negara bagi tahun 1969. Oleh itu peruntokan² yang di-buat hanya membolehkan Kementerian menjalankan ranchangan² yang terhad supaya dapat menampung kekurangan² sa-bahagian dari perkhidmatan² Kementerian ini.

Kementerian saya akan berikhtiar terus-menerus memperluaskan lagi perkhidmatan Kementerian pada keseluruhan-nya dan dengan menggunakan segala tenaga yang terdapat sekarang serta tenaga yang akan diperolehi pada masa akan datang. Di-waktu saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Biasa untuk Kementerian saya, saya telah mengulaskan atas kedudukan kesihatan penduduk 'am serta kemajuan yang memuaskan yang telah tercapai pada keseluruhan-nya itu. Meski pun ada berbagai² masalaah dan kesukaran, keadaan memuaskan itu di-perolehi dengan sebab ranchangan² itu telah di-laksanakan dengan chermat pada masa² yang sudah dan dengan sokongan dan kerjasama yang penoh daripada pegawai² Kementerian saya dalam menjalankan tugas mereka.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu mengambil masa lagi untuk mengulangi menerangkan satu persatu tujuan peruntokan ini kerana sudah pun ada penerangan-nya di-dalam Rengkesan Belanjawan tahun 1969 di-muka 155 hingga 159. Dari itu saya menchadangkan supaya peruntokan sa-jumlah \$35,373,598 di-bawah Kepala 123 dalam Anggaran Pembangunan tahun 1968 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentoh hanya dalam perkara Pechahan-kepala 3 (iii) Rumah Sakit Umum Kelang peruntokan sharat \$10 dan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, sa-bagai ra'ayat dari Kuala Langat terlebih dahulu saya menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Kementerian ini dalam segi kesihatan yang mana telah banyak di-sumbangkan di-dalam daerah itu, tetapi ada-lah juga perkara² yang patut di-berikan keutamaan, kemudahan, ia-itu pada tahun² yang telah lalu saya telah sampaikan ka-dalam Dewan ini untuk mengadakan sa-buah Rumah Sakit di-dalam kawasan yang tersebut tetapi sa-hingga hari ini saya tidak nampak sa-barang satu daya usaha untuk membolehkan, untuk merancang dan untuk meneka bahawa ada-kah ura², ada-kah daya usaha untuk mendirikan Rumah Sakit di-kawasan yang tersebut yang mempunyai penduduk lebih daripada 100,000. Rumah sakit yang paling hampir di-dalam kawasan itu ia-lah di-Kelang dan apabila di-lihat di-dalam peruntokan Rumah Sakit ini hanya menentukan peruntokan sharat \$10 untuk memperbaiki Rumah Sakit di-Kelang itu. Maka ini tidak akan cukup menampung bagi keseluruhan orang² yang berkehendakkan rawatan. Penduduk² yang berkehendakkan rawatan yang sempurna, yang lekas, yang chepat, jauh-nya, daripada tempat ini ka-satu tempat 87 batu, keliling. Maka saya berharap-lah kepada Kementerian ini akan dapat melihat, meninjau dengan chara dekat kesulitan² bagi pehak penduduk² dalam kawasan tersebut. Saya telah katakan tadi daripada segi kesihatan—shukor alhamdu lillah bahawa kesemua-nya telah dapat sa-banyak sedikit ranchangan dari segi kesihatan tetapi di-dalam segi rawatan Rumah² Sakit, cukup-lah menyedehkan dalam kawasan tersebut. Kerana Ahli Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah itu telah sanggup mengadakan tempat, tanah dan rumah-nya sekali, hanya kelengkapan dan kakitangan sahaja yang di-kehendaki. Maka saya berharap sunggoh²-lah bagi pehak Kementerian ini akan dapat

sa-kurang²-nya mengasehani orang² sa-belah sana sa-kira-nya dapat kemalangan, yang dapat kita selamatkan, jika Rumah Sakit itu ada di-tempatkan di-sana. Terima kasih.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head 123, Sub-head 66, Capital Grants for the Local Councils, Maternity, Child and Health Clinics. As a representative from Sarawak, Second Division, I would like to point out to the Ministry of Health that my Division has received very little funds for this purpose since Sarawak joined Malaysia, and therefore very little has been done for the improvement of the Maternity, Child and Health Clinics in Second Division, Sarawak. Now, with the roads having got through to every District in this Division, our Medical Divisional Headquarters should be able to look after such clinics. So, there is no reason for not building these clinics for all the Districts in the Second Division, i.e. Semanggang, Lubok Antu, Betong and Seratok. As this is the fourth year of our First Five-Year Development Plan, we should not waste any more time, but start building these clinics for the people of the said districts. I understand that the people of Sarawak have been waiting for the erection of a maternity clinic for the last two years. If we do not start building these clinics this year, these people and the Council will be disappointed. Sir, I urge the Ministry to release the funds, as soon as they are available, for building the above clinics for the benefit of the 150,000 people of the Sarawak Second Division.

Touching on Sub-head 51, I do not know why there is no provision provided for the Malaria Eradication Project. This is a very important project for the people of the rural areas, and I hope the Government would allocate funds for this Sub-head. Thank you, Sir.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan penoh di-

atas Anggaran Perbelanjaan yang dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sudah sa-puloh tahun saya menjadi Wakil Ra'ayat menduduki Dewan ini dan boleh dikatakan tiap² tahun atau pun tiap² kali meshuarat saya telah membuat berbagai² rayuan, terutama sa-kali untuk memenohi kehendak² ra'ayat dalam kawasan saya. Tuan Pengerusi, segala rayuan² itu alhamdu lillah 80% lebih kurang telah berjaya.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak chakapkan di-dalam Dewan ini hanya satu perkara sahaja ia-itu berkenaan muka surat 38—Butiran 58—Rumah Sakit Daerah Kulim. Tuan Pengerusi, Rumah Sakit Daerah Kulim ini kalau tidak salah saya daripada tahun 1960 atau 1959, mula² saya menjadi Ahli Dewan Ra'ayat ini, telah saya berchapak tiap² kali di-adakan meshuarat, terutama di-dalam Meshuarat Peranggaran Perbelanjaan. Tuan Pengerusi, kalau tidak salah saya, sudah empat orang Menteri Kesihatan, daripada Menteri Kesihatan kita yang pertama dan sahingga sekarang ini yang keempat, barangkali kalau tidak salah saya awal tahun 1965, telah di-adakan peruntukan sa-banyak \$12,000,000.00. Maka, Tuan Pengerusi, saya sangatlah gembira dan juga terkejut kerana rayuan saya ini yang sa-benar-nya bukan-lah saya berkehendakkan Rumah Sakit Kulim itu di-perbaharukan atau pun di-bena baharu, hanya yang saya minta supaya Rumah Sakit Kulim itu di-benakan jalan supaya dapat menaiki kesemua ward² yang di-atas bukit Rumah Sakit itu kerana Rumah Sakit Kulim ini, Tuan Pengerusi, sa-banyak 99 anak tangga, baharu sampai ka-atas. Saya ingat kalau sa-macham Tuan Pengerusi atau saya, barangkali kalau naik terus sampai sana, barangkali sa-tengah jam baharu boleh bernafas. Jadi, ini-lah yang telah saya merayu beberapa tahun.

Tiba² tahun 1965, dalam budget itu, dalam Anggaran Perbelanjaan, saya berasa sedap hati-lah, rayuan saya yang kecil, hanya buat jalan raya, jalan sahaja naik ka-ward² di-atas

bukit itu, tiba² ada peranggaran yang di-masokkan di-dalam budget ini \$12,000,000.00 di-katakan hendak di-bena sa-buah hospital yang modern dan baharu, tetapi, Tuan Pengerusi, malang-nya dalam tahun 1967 barangkali, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah melawat dengan Setiausaha Parlimen-nya dan saya bersama² melawat pergi. Kata-nya wang sa-banyak \$12,000,000.00 itu telah di-peruntokkan kepada tempat yang lain dan tidak ada lagi wang itu, hanya kesanggupan beliau berhadapan dengan Wakil² Ra'ayat di-tempat itu dan juga tuan doktor sendiri, hendak membena flat atau pun bangunan yang tinggi—dua bangunan dan dapat di-naikkan dengan lift dan membuatkan ward² itu dengan baik-nya, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, sa-hingga sekarang ini tidak ada apa² yang di-buat. Di-dalam Anggaran Pembangunan ini kita dapat melihat hanya di-peruntokkan \$10.00. Jadi, sa-hingga akhir tahun 1965 telah di-keluarkan sa-banyak \$69,390.00. Ini pada fikiran saya ia-lah perbelanjaan yang telah di-beli sa-buah ladang daripada ladang² orang² Inggeris, barangkali berapa belas ekar pun saya tidak ingat, tetapi tapak-nya telah siap dan hospital itu belum di-bena.

Bagitu juga kesanggupan Menteri sa-belum yang akhir ini tidak membena bangunan yang baharu, tetapi kesemua-nya tidak berjaya lagi. Jadi, ini-lah, Tuan Pengerusi, saya harap supaya dapat dengan sa-berapa segera, desakan saya dalam Dewan ini, bukan-lah saya minta supaya di-benakan bangunan baharu atau pun hospital yang baharu, hanya saya minta supaya di-benakan jalan, dapat naik terus dengan kereta ka-dalam ward² yang ada di-atas bukit.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, yang saya fikir berkenaan Hospital Kulim ini banyak doktor yang tidak mahu dudok, tidak mahu tinggal di-Kulim di-sebabkan hospital ini terlalu tinggi ward²-nya, menyusahkan doktor² yang hendak melawat ka-ward², terutama sa-kali ward yang ada di-atas sa-kali. Ini-lah yang saya minta, Tuan Pengerusi, dan saya harap-lah mendapat

pandangan dan pertimbangan supaya dapat di-buat dengan segera jalan naik ka-hospital. Terima kaseh.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, Kepala 123—Perubatan dan Kesihatan Rumah Sakit Luar Bandar Changkat Melintang, Perak, Anggaran Tahun 1969 sa-chara langsung \$500,000.00.

Saya bangun di-sini mewakili kawasan saya dan juga kawasan Hilir Perak, menguchapkan terima kaseh kepada Kementerian Perubatan dan Kesihatan yang telah mengadakan peruntokan pada tahun ini untuk mendirikan sa-buah rumah sakit luar bandar di-Changkat Melintang, Parit, Perak dan saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dengan jasa baik-nya mengarahkan Jabatan Kerja Raya Pusat supaya menyampaikan geran dan pelan² bangunan tersebut kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Perak dengan sa-berapa segera. Saya telah berhubung dengan Jurutera J.K.R. Perak dan beliau mengatakan bahawa pehak Jabatan-nya belum dapat arahan daripada Kementerian-nya mengenai ranchangan membena sa-buah rumah sakit di-Changkat Melintang dan beliau sedia menjalankan projek tersebut jika arahan dan geran tersebut di-sampaikan kepada-nya dengan segera. Maka saya berharap perkara ini tidak ada menjadi halangan lagi.

Di-sini juga saya hendak menjawab keritik daripada Damak yang mengatakan ada-lah Wakil² Ra'ayat yang menyuarakan kehendak² ra'ayat di-kawasan²-nya selalu sakit atau ra'ayat-nya sakit, hendakkan hospital di-kawasan masing². Tetapi, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak menjawab berkenaan ini. Sungguh pun perkara ini perkara sendiri sahaja tetapi menyinggong kepada ra'ayat² yang dudok di-dalam kawasan luar bandar. Maka kami sa-bagai wakil penduduk² luar bandar patut juga menjawab di-sini. Saya tahu jika Damak sakit dia tak pergi ka-kawasan² luar bandar bahkan beberapa specialist yang ada di-dalam Kuala Lumpur yang di-bayar oleh kompeni-nya sendiri, sharikat-nya sendiri,

tetapi jika orang di-luar bandar sakit di-mana dia hendak pergi? Bukan-lah kerana saya boleh kata takkan-lah dia hendak menulis kepada Damak untuk mengarahkan mereka di-mana specialist rumah sakit hendak pergi. Tetapi lagi sa-kali saya sanggup mengundang Damak ka-kawasan² saya dengan bayaran saya sendiri melihat keadaan orang² di-sana. Dan saya pula berjanji di-sini, di-Dewan ini, saya mengakui atas keselamatannya sebab ra'ayat kawasan saya dan di-Hilir Perak tahu dan faham benar perjuangan politik di-dalam negeri ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, mengenai ranchangan² kesihatan luar bandar. Di-sini chuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan apa-kah jadi-nya sub-health centre di-Lambor Kiri yang telah di-bena dengan perbelanjaan beribu² ringgit mendirikan bangunan² yang indah tetapi sekarang telah ditutup tidak ada kaki-tangan menguruskan klinik tersebut.

Dr Mohamed bin Taib (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang berchakap sedikit di-atas Kepala 123 Pechahan-kepala 2 (vii) berkenaan dengan Bantuan kepada Universiti Malaya untuk Fakulti Pergigian. Di-sini kita dapati bahawa peruntukan ia-lah token vote \$10 sahaja. Agak-nya tak payah-lah saya panjangkan lagi berkenaan dengan perkara ini tentang bagaimana mustahak-nya fakulti ini di-adakan. Apa yang saya harapkan bahawa token vote ini jangan-lah berpanjangan dari sa-tahun ka-satahun.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 3—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, saya suka menarek perhatian berkenaan dengan ini ia-itu pada fikiran saya bahawa klinik atau pun main health centre yang ada pada masa ini terutama sa-kali bahagian pergigian-nya ada-lah terlampau sempit, sa-elok-nya satu bay atau satu bilek patut di-tambahkan lagi ia-itu untuk juruteknik pergigian dan jika sa-kira-nya tambahan itu tak dapat di-adakan, maka saya chadangkan bahawa verandah itu di-jadikan atau di-masokkan di-dalam bilek ini semua sa-kali.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 4—Memperbaiki Rumah² Sakit, di-sini saya bagi pehak penduduk² di-Kuantan menguchapkan terima kaseh di-atas kemudahan² yang telah di-adakan oleh Kementerian ini tetapi di-samping itu saya suka juga mengatakan ia-itu di-harapkan pada tahun hadapan bahawa operation theatre dan X-ray jangan-lah di-biarkan lagi di-tempat yang ada pada masa ini kerana bagaimana yang di-ketahui oleh Kementerian Kesihatan bahawa kedua² bilek ini sangat² berjauhan daripada wad² yang ada sekarang, ia-itu bagaimana saya kata dahulu patient², orang² sakit, yang hendak pergi ka-operation theatre atau hendak balek di-kehendaki menaiki ambulan.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 7—Kemajuan Perkhidmatan Pergigian wang sa-banyak \$300,000 ini saya difahamkan bahawa peruntukan ini hanya untuk specialist kelinik sahaja tak termasuk kelinik² yang lain. Di-sini saya suka menerangkan bahawa kelinik pergigian di-Raub dan Pekan sudah pun di-ranchangkan beberapa tahun dahulu ia-itu waktu saya maseh lagi berkhidmat dengan Kerajaan tetapi sa-hingga ini nampak-nya kelinik² ini belum pun di-masokkan di-dalam ranchangan yang tepat. Di-sini suka saya sebut ia-itu kelinik pergigian di-Raub ini hanya-lah satu chair kelinik sahaja yang berma'ana kerusi di-situ hanya-lah satu sahaja. Keadaan ini telah berada beberapa tahun dan tidak memuaskan. Juga dengan sebab kechil-nya kelinik ini, maka juruteknik pergigian tak boleh di-tempatkan di-hospital ini, terpaksa di-hantar ka-sekolah yang berjauhan dan di-sana pun bilek-nya hanya-lah di-pinjam daripada sa-buah sekolah. Jadi saya harap Kementerian yang berkenaan tidak lupa pada tempat ini untuk membahagikan atau mengadakan kelinik² pergigian yang baharu. Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja, terima kaseh.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan banyak² terima kaseh kepada Ahli² yang telah

pun menyokong dengan penoh peruntukan pembangunan bagi Kementerian saya dan ada dua tiga perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat berkenaan dengan pembangunan ini. Suka-lah saya menjawab-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat meminta supaya di-bena sa-buah rumah sakit di-kawasan-nya dan juga kata-nya Rumah Sakit Klang tidak ada apa² perubahan. Yang sa-benarnya, Rumah Sakit Klang sekarang ini sedang di-bena satu wad kelas I dan II dan juga satu blok pentadbiran akan juga di-bena di-sana untuk doktor, untuk bilek rawatan dan lain², tetapi bagi kawasan Ahli Yang Berhormat itu ia-itu kawasan Kuala Langat, sa-bagaimana dalam ucapan saya tempoh hari, buat pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak-lah berchadang hendak membena rumah² sakit yang baharu tetapi hanya akan di-bena dan di-tambah wad² yang baharu dan memperbaiki wad² yang telah lama. Tetapi walau bagaimana pun Kementerian saya sedang mengambil perhatian oleh sebab bilangan penduduk² Kuala Langat telah ramai, harus barangkali pada satu masa apabila kedudukan kewangan bertambah baik, akan di-adakan sick-bay di-Kuala Langat.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak berchakap berkenaan dengan tidak ada peruntukan

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sick-bay, boleh-kah saya anggapkan pengertian itu akan dapat di-adakan pada tahun ini?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, sungguh dukachita saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu oleh sebab peruntukan yang di-buat pada tahun ini sa-banyak \$35 juta telah pun di-bahagi²kan kepada ranchangan² yang tertentu, jadi tak dapat-lah di-buat pada tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak berchakap berkenaan dengan kelinik di-Bahagian Dua. Ini Kementerian akan mengambil ingatan. Berkenaan dengan Ranchangan Menchegeh Mala-

ria ini bukan-lah dalam pembangunan. Saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat itu lihat dalam buku yang besar ini di-sini ada berkenaan malaria, peruntukan malaria dan lain².

Ahli Yang Berhormat dari Kulim berchakap berkenaan dengan 99 anak tangga untuk naik ka-hospital, itu saya sedar. Saya biasa melawat rumah sakit itu dan saya ucapkan terima kaseh kerana Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sa-orang yang bertimbang rasa kerana ia tidak minta rumah sakit baharu tetapi hanya minta supaya rumah sakit itu di-perbaiki. Kementerian saya akan mengambil tindakan dan timbangan berkenaan dengan rayuan Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi, suka saya memberitahu ia-itu klinik pergigian akan di-buat dalam tahun ini juga di-Rumah Sakit Kulim itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga berchakap mengatakan ia-itu \$12 juta yang di-untukkan kepada Hospital Kulim itu telah di-pindahkan untuk di-buat rumah sakit yang lain. Sa-benar-nya tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah berchakap berkenaan dengan rumah sakit baharu di-Changkat Melintang yang di-untukkan sa-banyak \$500,000. Sa-baik sahaja plan itu siap, tindakan akan di-ambil dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Berkenaan dengan Pusat Kesihatan Lambor Kiri, Ahli Yang Berhormat itu bertanya kenapa-kah di-tutup dalam masa tidak berapa lama yang lalu. Oleh sebab banjir di-tempat itu dan di-dapati Pusat Kesihatan itu rosak dan sekarang ini sedang di-perbaiki. Apabila siap, maka Pusat Kesihatan itu akan berjalan perkhidmatan-nya saperti biasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan berchakap berkenaan dengan mengadakan kemudahan pergigian di-Pusat² Kesihatan. Ini memang ada dalam pertimbangan Kementerian saya dan juga berkenaan dengan bilek pembedahan dan klinik² di-Raub dan di-Pekan. Ini ada-lah bergantung kepada kewangan. Apabila Kementerian ini ada chukup wang, maka tempat² ini akan di-perbaiki. Sekian.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$35,373,598 untok Kepala 123 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tanggohkan sa-lama 10 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.32 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.42 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Jawatan-kuasa

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala 124—

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise to move that the amounts shown for expenditure in respect of 1969 under Head 124, Labour and Industrial Relations, a total of \$783,010 in direct expenditure and \$385,000 in loan expenditure, stand part of the Estimates.

Sir, although the total provision for my Ministry is relatively small, it continues the trend for development expenditure to be increased year by year. In fact, direct expenditure entered for 1969 is more than double that for 1968.

Mr Chairman, Sir, to deal with Sub-head 1, a provision of \$83,000 has been entered for the construction of new office accommodation for the Labour Division of the Ministry in West Malaysia. This is in continuation of the controlled programme aimed at modernising buildings, so that better output of work in a more congenial working atmosphere can be obtained from our officers. The provision entered is a relatively modest one, reflective of the fact that the programme itself is a modest one.

Included in the provision is a sum of \$10,000 being retention money payable on account of the new Ipoh office constructed under this programme last year.

Under Sub-head 4, only a token provision of \$10 is entered for Industrial Training. The one and only Industrial Training Institute in this country situated in the Federal Capital was expanded in 1968, and the token provision is merely to enable the continuation of such further expansion as may be necessary. The expansion undertaken in 1968 was significant involving, as it did, the laying on of additional workshops space of 8,000 square feet in extent and the building of a new hostel block to accommodate a further 134 resident-trainees. The additional buildings were completed by mid-1968 and the re-organisation of the various workshops for their effective use commenced soon thereafter. By August, 1968, the Ministry, taking advantage of the expanded facilities, was able to embark on an accelerated training programme in a number of skilled trades for the benefit of school leavers and unemployed adults as well as workers already in employment but who had had no formal training. The introduction of the accelerated training programme meant that the Institute came to be run on a two-shift basis with more intensive use being made of its facilities. During the morning shift, for the most time, the trainees under the accelerated training programme had their workshop practice, while the afternoon shift absorbed part of the 8-hour day programme of trainees under the National Apprenticeship Scheme, the mornings being devoted to instructions and classes.

Sir, under Sub-head 5, a provision of \$385,000, by way of loan expenditure, is a repeat item carried over from the Development Estimates, 1968. It represents provision entered for the construction of office accommodation to house the Port Labour Board, Penang, in premises of its own. For a variety of reasons, it was not possible to make a start on this

project in 1968, and it is planned to start work and, if possible, to complete the project this year.

Under Sub-head 6, Industrial Training Institute, Butterworth, the plan to build a second Industrial Training Institute in the country was conceived early in 1968. This plan was based on the demand to gear trade training output to the man-power requirements of the economy, which calls for a development of at least 32,000 skilled workers during the period 1966 to 1970. A need has also arisen for training in some additional trades, for which facilities are not available at the Industrial Training Institute, Kuala Lumpur. The Butterworth Institute has been earmarked to have facilities for training in tool and dye-making, steel construction and steel metal work, marine diesel engines repair and maintenance and foundry work and pattern making. The State Government of Penang has agreed to alienate a 30-acre site for the Institute at the Prai Industrial Estate. The Government of the Federal Republic of Germany has agreed to provide equipment and the necessary initial expert staff. It is hoped to commence work on the buildings this year and, when completed, the second Institute will be able to immediately cater for an additional 250 trainees per year. By the end of 1968, 101 trainees had completed accelerated training courses, while 727 trainees completed apprenticeship courses at various levels during the year. For the current year, the number of trainees for accelerated training courses will increase to over 400, while the number for the apprenticeship courses will be around the region of 750.

Sir, under Sub-head 7, in 1969, the major work item will be the starting of the Industrial and Trade Instructor Training programme under the United Nations Development Programme (Special Fund) Assistance. The Assistance, which will be in the form of expert personnel fellowships, equipment and operation costs will be in the region of US\$1,148,700 and will be spread over a 4½-year period. This programme will include new technical

research and training activities including syllabi and training of standards, trade skill testing, instructor training, in-plant training and correspondence courses. To implement this project, additional office accommodation, workshop and an instructor trainee hostel are to be built.

Sir, I beg to move.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentoh satu perkara sahaja Kepala 124 Pechahan-kepala 1 ia-itu Pejabat Buroh. Di-kawasan saya sana saya rasa kalau dahulu-nya tidak-lah begitu memerlukan sa-bagai satu Pejabat Buroh untuk pendaftaran nama² di-kawasan itu. Biasa-nya mereka terus pergi ka-Klang atau Port Swettenham, tetapi masa-nya sudah sampai, Tuan Pengerusi, kerana di-kawasan itu telah pun ada 3 Sekolah Menengah dan lepasan² penuntut² yang telah tamat sekolah untuk mendaftarkan diri terpaksa pergi sa-jauh 20 batu pergi balek, kena bayar dalam \$2.00 dan kena makan \$1.00, \$3.00 hanya untuk mendaftarkan diri sahaja.

Jadi, di-sini saya berharap kepada Menteri Yang Berhormat dapat menempatkan satu pejabat buroh pendaftaran di-Telok Datoh yang mana akan menyenangkan keseluruhan penuntut² yang tamat sekolah untuk mendaftarkan diri untuk mendapatkan kerja. Kesulitan-nya, Tuan Pengerusi, apabila penuntut² ini memohon kerja telah dapat maka mereka terpaksa pergi ka-Port Swettenham untuk mendapatkan kad biru atau membolehkan mereka memegang jawatan. Jadi, ini menjadikan kesulitan bagi penduduk² dalam kawasan yang tertentu dan saya berharap Menteri Yang Berhormat akan dapat mengatasi kesulitan ini dengan sa-berapa segera.

Terima kaseh.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Pengerusi, pada masa sekarang kita ada re-organise Employment Exchanges di-seluruh negara, tetapi macham mana pun kita boleh timbangkan permintaan ini dan kalau boleh kita boleh adakan satu part-time Exchange di-Kuala Langat.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$783,010 dan \$385,000 untuk Kepala 124 di-setujukan jadi sa-bahagian Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala 125—

Menteri Kebajikan 'Am (Dr Ng Kam Poh) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the expenditure shown under Head 125, Social Welfare, totalling \$2,000,000 be approved.

Honourable Members will no doubt observe that except for one project, viz. Women and Girls Protection Home, Perak, shown under Sub-head 3 (iii), the total provision of \$2,000,000 that is being sought is to meet contractual obligations of continuation projects and those which have since been completed. The Women and Girls Protection Home, Perak, which has already been approved by the House in the overall plan of the Ministry, is the third Home to be built under the Development Plan designed for the protection and rehabilitation of women and girls who have been committed to these institutions under the Women and Girls Protection Enactments. The provision of \$10,000 sought is for the purchase of land and to meet the cost of preliminary planning.

If Honourable Members will bear with me, I shall now dwell very briefly on the other projects for which funds are sought under these Estimates.

Under Sub-head 1, Services for the Handicapped, a sum of \$173,000 is sought under item (ii) for the Old Persons Home, Johore Bharu, to meet the contractual obligations of this project which is about to be completed. The P.W.D. is now in the process of completing the working drawings of the Home for Chronically Ill, Penang, shown under item (iv) and expect to go to tender shortly. A sum of \$350,000 is being sought for this project to meet the cost of works to be carried out during the year. A sum

of \$10,000 is being sought for the Home for Chronically Ill, Selangor, under item (v), which is based on the same design of the Penang Home, for the purchase of land and other preliminary works. State land for the project has already been earmarked, and it is hoped to complete the alienation very shortly. In regard to Old Persons Home, Malacca, under item (vi) a sum of \$300,000 is sought to meet the cost of works during the year. In fact, site works on the project have already commenced, and the provision sought is for the actual construction of the buildings, which is expected to start some time in the middle of this year.

Under Sub-head 2, Services for Juvenile Delinquents a sum of \$25,000 is being sought for the purchase of land for the Approved School, Pahang, reflected under item (i) and a sum of \$119,066 under item (iii) for the Remand Home/Hostel, Trengganu. The Approved School project was, in fact, approved in the last year's Estimates, but due to unforeseen circumstances, the alienation of State land for the project has taken longer than anticipated, but it is hoped to finalise the alienation of the land this year. Construction of the Remand Home/Hostel, Trengganu, commenced some time in November last year and the provision of \$119,066 is being sought to meet the contractual obligations.

Under Sub-head 3, Protection of Women and Girls, a sum of \$191,830 is being sought for under item (ii) for the completion of the Women and Girls Protection Home, Kuala Trengganu, the construction of which commenced in August last year. Work is progressing satisfactorily, and it is hoped to complete the project in April this year. Similarly, a sum of \$320,000 is being sought under Sub-head 4, item (i) to complete the Children's Home, Penang, the construction of which commenced in October last year.

The plan for the Residential Training Centre, Selangor, shown under Sub-head 5, has since been reviewed

and it has now been decided to transfer this provision to the Prime Minister's Department for the expansion of the present Staff Training Centre at Petaling Jaya. The training needs of the Ministry will now be provided by that Centre.

Only a sum of \$282,238 is now being sought under Sub-head 6, Staff Quarters, Renovations, Improvements and Extensions to Existing Homes/Institutions to meet the contractual obligations of those staff quarters and extensions which commenced last year.

Construction of the Remand Home/Hostel Kota Kinabalu, as reflected under Sub-head 22, has taken somewhat longer than originally anticipated. The P.W.D. is now in a position to undertake this work this year, and a sum of \$100,000 is being sought to meet the anticipated cost of works during this year.

In regard to Sub-head 31, Old Persons Home, Kuching, a sum of \$12,866 is sought to meet the contractual obligations of the Home, which has since been completed. A sum of \$100,000 is being sought to commence work on the Approved School, Kuching shown under Sub-head 32, and a sum of \$6,000 to meet contractual obligations of the expansion of the Sarawak Boys Home, shown under Sub-head 35, which has since been completed.

Sir, I beg to move.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Di sini satu perkara juga saya akan menyentuh ia-itu Pechahan-kepala I—Perkhidmatan Untuk Orang Tua², Chachat, Rumah Orang Tua² Selangor.

Di-Jenjarom ada satu Rumah Orang Tua yang di-waktu ini telah penuh dan tidak ada mempunyai tempat² untuk di-tambah orang² yang berkehendakkan mendapat tempat di-rumah Orang Tua ini. Dan tempat ini terletak-nya di-dalam Kampong Baharu New Village Jenjarom lebeh kurang ada 23 orang yang ada di-dalam-nya.

Maka di-tempat ini saya berharap kapada Kementerian dapat memperbaiki dan memperbesarkan tempat-nya oleh kerana di-dalam keseluruhan Kuala Langat, 5 New Villages yang mana keseluruhan bagi orang² tua-nya tertumpu kapada satu tempat ini sahaja. Maka di-dalam tempat² itu kalau kita pergi melawat sering kali di-temu oleh orang² tua yang berkehendakkan tempat ini yang mana mereka tidak ada mempunyai keluarga yang di-katakan, selalu di-katakan orang² di-sana mereka ini ada-lah bujang lapok tidak ada keluarga sama sa-kali.

Jadi apabila mereka sudah tua mereka tidak ada berdaya untuk menchari penghidupan mereka dan tidak ada mempunyai tempat untuk mereka dudok maka mereka mendapatkan kapada Kebajikan Pegawai² Kebajikan Masharakat untuk mendapatkan dudok di-dalam Rumah Orang Tua ini. Oleh yang demikian saya berharap kapada Menteri dapat memperluaskan dan memperbaiki tempat yang ada sekarang ini di-New Village Jenjarom. Terima kaseh.

Dr Ng Kam Poh (dengan izin): Mr Chairman, Sir, the suggestion given by the Honourable Member is a very good one, and I am sure my Ministry will consider it very, very carefully, and we will try our best to do what we can for the New Village of Jenjarom. Thank you very much.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$2,000,000 untuk Kepala 125 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala 126—

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya meminta izin untuk mengemukakan Kepala Perbelanjaan 126 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang memerlukan peruntukan sa-banyak \$115,053,171 dalam tahun 1969 ini.

Saya suka menegaskan bahawa sungguh pun kita telah mencapai banyak kejayaan dalam usaha² kita mempertingkatkan taraf hidup ra'ayat di-masa² yang lalu, tetapi ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk meneruskan usaha² pembangunan seperti itu dengan menjalankan lebih banyak lagi ranchangan² pada masa hadapan mengikut kemampuan yang ada pada kita bagi mencapai matlamat yang kita tuju² itu, dengan mengadakan kemudahan² dan peluang² yang lebih banyak lagi kepada ra'ayat di-negeri ini melalui ranchangan² pembangunan, terutama sa-kali ranchangan² tanah, untuk memperbaiki lagi taraf hidup mereka.

Sa-lain daripada menyelaraskan berbagai usaha pembangunan, Kementerian ini juga mengadakan serta melaksanakan ranchangan² Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa menerusi Jawatan-kuasa² dan lain² jentera pembangunan yang ada di-peringkat² Negeri dan Daerah. Sa-bahagian daripada tugas² Ranchangan Pelajaran Dewasa ini ia-lah mengadakan guru² untuk kelas² Ekonomi Rumah Tangga di-kawasan² luar bandar dan tugas ini ada-lah di-jalankan oleh tiga buah Taman Latehan Wanita yang ada sekarang ini, ia-itu di-Kuala Lumpur, Melaka dan Kepala Batas. Dalam tahun 1968, sa-buah lagi Taman Latehan Wanita telah di-bena di-Kuala Trengganu untuk memenuhi keperluan negeri² Pantai Timor Malaysia Barat, tetapi beberapa kerja akhir belum lagi selesai. Oleh itu peruntukan sa-banyak \$120,000 seperti yang di-nyatakan di-bawah Pechahan-kepala 5, ada-lah di-perlukan untuk menyiapkan Taman Latehan Wanita yang baharu itu.

Kerja² pembinaan bangunan asrama, rumah² guru dan bilek² sharahan bagi Taman Latehan Wanita di-Kuala Trengganu itu hampir siap dan peruntukan ini ada-lah untuk perbelanjaan bagi kerja² akhir dan juga bagi membekalkan alat² kelengkapan yang di-perlukan bagi sa-sabua² Taman Latehan.

Taman bahru ini ada-lah di-jangka akan di-buka dan mula menjalankan kursus pertama-nya dalam bulan April

tahun ini. Dengan pembukaan-nya kelak maka seramai 120 orang wanita² dari kawasan Negeri² di-Pantai Timor Malaysia Barat akan mendapat latehan ekonomi rumah-tangga di-Taman ini tiap² tahun. Dengan ini juga maka jumlah bilangan wanita² luar bandar yang akan mendapat latehan di-kesemua Taman² Latehan Wanita di-bawah Kementerian ini akan meningkat daripada 425 kepada 545 tiap² tahun.

Peruntukan sa-banyak \$50,000 di-bawah Pechahan-kepala 6 ada-lah di-kehendaki bagi tahun ini untuk meneruskan ranchangan menyediakan tempat² yang sesuai untuk di-gunakan sa-bagai Kelas² Pelajaran Dewasa. Ranchangan ini merupakan kerja² memperbaiki tempat² yang sedia ada atau membena tempat² baharu untuk kelas dewasa, terutama-nya di-kawasan² pendalaman yang tiada mempunyai Balai² Raya atau bangunan² sekolah.

Sa-bagaimana yang telah di-jalankan pada tiap² tahun yang lampau, kerja² membena tempat² kelas itu akan di-laksanakan dengan bergotong-royong oleh penduduk² kampung, khas-nya di-kalangan peserta² pelajaran dewasa itu sendiri. Dengan chara ini bukan sahaja lebih banyak kampung² yang akan menikmati kemudahan² yang di-sediakan oleh Kerajaan tetapi juga lebih ramai ra'ayat yang menghargai kemudahan² itu oleh kerana mereka juga turut sama menyumbangkan tenaga dan masa bagi memajukan keadaan kampung dan masyarakat mereka sendiri.

Sa-bahagian daripada peruntukan ini akan juga di-gunakan untuk membeli perkakas² keperluan kelas² pelajaran dewasa seperti kerusi-meja, papan hitam dan lain² lagi bagi kelas² di-tempat² yang tiada mempunyai bangunan² sekolah.

Kementerian ini memang-lah sedar tentang kepinchangan yang berlaku dalam usaha hendak memajukan kelas² dewasa ini. Peratoran² yang lebih baik dan kemas bagi menentukan kejayaan yang sa-penoh²-nya ada-lah sedang

di-jalankan tetapi untuk mengatakan bahawa usaha membasmikan buta-huruf ini sa-bagai satu ranchangan yang membazir tidak-lah dapat diterima sama sa-kali, bahkan saya berani berkata orang² yang mengatakan pembasmian buta-huruf ini tidak berguna ada-lah terdiri daripada mereka yang sama sa-kali tidak mempunyai fikiran dan pandangan yang radikal. Pembasmian buta-huruf ada-lah wajib di-jalankan dan ia-nya ada-lah merupakan satu penyakit dalam masyarakat. Pembangunan Negara tidak boleh di-gantungkan sa-mata² kepada jenarasi yang akan datang tetapi jenarasi yang ada pada hari ini mesti-lah bersama memikul tanggung-jawab yang maha besar ini. Ilmu pengetahuan mesti-lah di-berikan kepada ra'ayat dengan tidak mengira tua dan muda jika kita ingin melihat negeri ini hendak mencapai kemajuan.

Berhubungan dengan perkara kemajuan tanah, Kementerian ini melalui Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah pun membuka 74 ranchangan tanah sa-luas 219,797 ekar yang telah di-tanam dengan getah dan kelapa sawit. Pembukaan ranchangan² tanah ini apabila siap di-semua perengkat kelak akan dapat memberi peluang kepada lebih kurang 20,000 keluarga atau pun 150,000 orang lagi mendapatkan taraf hidup yang lebih terjamin pada masa yang akan datang. Ini akan merupakan satu daya-gerak yang penting ka-arrah perkembangan ekonomi yang pesat kepada negara kita.

Daripada jumlah 74 ranchangan itu, 51 daripada-nya yang meliputi 127,930 ekar telah di-tanam dengan getah dan 23 berjumlah 91,867 ekar ada-lah di-tanam dengan kelapa sawit. Dalam tahun 1968, pihak Lembaga telah berjaya membuka lebih kurang 40,000 ekar tanah dan angka ini ada-lah melebihi daripada anggaran yang telah di-buat bagi tahun itu. Suka-chita saya mengambil peluang untuk menyatakan kepada Dewan ini bahawa hingga akhir tahun lalu sa-banyak 15 ranchangan getah dan 8 ranchangan kelapa sawit telah pun mula mengeluarkan hasil-nya.

Dalam tahun 1969 ini, pihak Pentadbiran Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan meluaskan lagi ranchangan-nya kepada 81 ranchangan tanah, ia-itu dengan menambahkan lagi 7 ranchangan. Kesemua 81 ranchangan ini akan meliputi kawasan sa-luas 287,521 ekar untuk di-tanami dengan getah, kelapa sawit dan lain² tanaman. Untuk menyelenggarakan ranchangan² itu wang sa-banyak \$66,829,000 juta ada-lah di-perlukan oleh Lembaga seperti yang ternyata di-bawah Kepala-kecil 1. Daripada jumlah ini, \$17 juta ada-lah di-peruntokkan bagi perbelanjaan pentadbiran manakala baki-nya berjumlah \$49,892,000 juta itu akan di-gunakan sa-bagai perbelanjaan pinjaman untuk kerja² pembangunan yang akan di-jalankan dalam tahun 1969 ini dan perbelanjaan² itu termasuk-lah:

- (i) kerja² pembangunan dan penyenggaraan perengkat² tertentu dalam 74 ranchangan² yang saya sebutkan tadi;
- (ii) kerja² tambahan dalam ranchangan² yang ada;
- (iii) pembukaan sa-luas 38,000 ekar untuk 7 ranchangan baru;
- (iv) kerja² menyiapkan 4 kilang getah di-Lembah Bilut, Sungai Nerek (Pahang), Hutan Percha (Melaka) dan di-Kemelah (Johor);
- (v) penyenggaraan 4 buah kilang minyak kelapa sawit yang telah di-bena oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan; dan
- (vi) pembinaan 3,500 buah rumah² peserta.

Peruntokan sa-banyak \$17 juta itu ada-lah untuk perbelanjaan² yang telah di-tetapkan bagi menjalankan pentadbiran Lembaga itu seperti pembayaran gaji kepada kaki-tangan, perbelanjaan² menyenggara pejabat², rumah² pekerja, kenderaan² dan juga bagi membena serta menyelenggarakan kawasan² kampung, perbelanjaan menjalankan penyelidikan kelapa sawit di-Ranchangan Kawasan Jengka Tiga Segi.

Dengan tambahan sa-luas 38,000 ekar yang di-ranchangkan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam tahun 1969 ini maka jumlah kawasan yang di-tanam dengan getah dan kelapa sawit akan bertambah dari 219,797 ekar dalam tahun 1968 kepada 257,797 ekar dalam tahun 1969 ini. Daripada jumlah ini lebeh kurang 192,911 ekar ada-lah di-dalam perengkat permulaan dan oleh itu memerlukan wang pembangunan sabanyak \$34,392,000 untuk menyelenggarakan-nya.

Ahli² Yang Berhormat juga tentu ma'alum, ia-itu pehak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan pada masa ini sedang mengusahakan satu ranchangan besar, Ranchangan Jengka Tiga Segi, yang meliputi 150,000 ekar yang akan dapat menempatkan lebeh kurang 10,000 keluarga apabila 93,000 ekar tanah pertanian dalam kawasan itu siap kelak. Dengan bantuan pinjaman daripada Bank Dunia dalam tahun lalu, pehak Lembaga telah dapat memulakan Ranchangan Jengka Tiga Segi itu. Mengenai Pechahan-kepala Kechil 9 (i), Jengka Tiga Segi, wang sa-banyak \$3,500,000 di-kehendaki dalam tahun ini bagi menjalankan usaha² pembukaan atas kawasan sa-luas 21,987 ekar dan lebeh kurang \$1.2 juta daripada jumlah ini akan di-gunakan bagi pengurusan Ranchangan ini. Peruntukan sa-banyak \$1,745,000 yang di-sediakan di-bawah Pechahan-kepala 9 (ii) ada-lah bagi mengadakan bekalan² ayer di-dalam ranchangan² bagi kawasan Jengka Tiga Segi ini. Untuk pembenaan jalan² masok ka-dalam ranchangan² kawasan Jengka Tiga Segi itu, wang sa-banyak \$1,812,171 ada di-sediakan di-bawah Pechahan-kepala 9 (iii). Di-bawah ruangan pinjaman pula, peruntukan sa-banyak \$5,384,000 ada-lah bagi menebang, menebas kawasan ranchangan², menyenggara kawasan² tersebut dan juga bagi pembenaan 400 buah rumah untuk peserta².

Ranchangan besar ini akan memberi faedah kepada banyak peserta² dari luar bandar bagi tahun² yang akan datang. Faedah ini akan dapat di-rasai

bukan sahaja oleh peserta² malahan juga oleh ra'ayat seluruh-nya apabila negara kita ini terkenal sa-bagai negara terbanyak sa-kali mengeluarkan hasil kelapa sawit. Dengan keyakinan yang teiah di-tunjokkan oleh Bank Dunia itu, Kerajaan juga merasa yakin bahawa ranchangan² ini akan men-chapai kejayaan yang chemerlang dan, memandang betapa penting-nya perojek² saperti ini, maka pehak Kerajaan sedang meranchangkan suatu penyiasatan kemungkinan (feasibility studies) bagi membuka kawasan² yang lebeh besar lagi di-Negeri Pahang dan Johor.

Di-samping menerangkan kemajuan² yang telah di-chapai oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan ranchangan² yang hendak di-laksanakan dalam tahun ini, saya suka memberi tahu Dewan ini bahawa selaras dengan dasar Kerajaan untuk mendapatkan hasil yang sa-penoh²-nya bagi peserta² dalam ranchangan² Lembaga, pehak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berchadang mendirikan 5 buah kilang getah (heveacrub) dan 4 buah kilang kelapa sawit. Perengkat² pertama bagi 4 buah kilang getah itu akan siap tidak berapa lama lagi dan kerja² permulaan akan di-mulakan bagi kilang yang kelima²-nya. Kilang² itu akan mula mengeluarkan getah heveacrub, 'Standard Malaysian Rubber' (S.M.R.) dalam tahun ini. Untuk menyediakan kemudahan² kilang² memperoses getah itu, perbelanjaan sa-banyak \$2.2 juta ada-lah di-kehendaki. Pehak Lembaga juga telah melaksanakan kerja² perengkat pertama bagi 4 buah kilang kelapa sawit dan kilang² ini sedang memperoses buah² kelapa sawit yang di-keluarkan oleh Lembaga. Untuk memenohi keperluan² tahun ini, pehak Lembaga akan membesarkan 3 daripada kilang tersebut. Di-samping itu, pehak Lembaga juga sedang membena sa-buah pusat minyak di-Kuala Trengganu. Jumlah perbelanjaan bagi mengadakan kemudahan² memperoses dan menyimpan minyak itu bagi tahun 1969 ini ada-lah di-anggarkan sabanyak \$4.8 juta. Dengan ada-nya kilang² tersebut, maka peserta² di-ranchangan² berkenaan akan dapat

menikmati harga pasaran yang lebeh tinggi lagi. Kilang² tersebut akan juga di-gunakan sa-bagai pusat² pertunjukan bagi pekebun² kechil supaya mereka akan lebeh senang menerima chara² memperoses baru ini. Dengan ini maka dapat-lah di-gerakkan dengan lebeh pesat lagi satu daripada usaha² yang tegas yang di-jalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi kesan² burok dari kejatohan harga getah, di-samping memperkuatkan lagi kedudukan perusahaan getah asli di-dalam persaingan-nya dengan getah tiruan.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah sedia ma'alum, di-samping menjalankan ranchangan² kemajuan tanah besar, Kementerian ini juga melaksanakan usaha² dan ranchangan² yang bertujuan menolong ra'ayat, terutama sa-kali penduduk² luar bandar, untuk membolehkan mereka mengambil bahagian yang chergas serta berkesan dalam sa-genap lapangan perniagaan dan perusahaan. Tugas² ini ada-lah di-laksanakan melalui Majlis Amanah Ra'ayat atau MARA. Bagi menjalankan usaha² dan ranchangan² tersebut wang sa-jumlah \$27 juta, ia-itu \$20,556,000 sa-chara langsung dan \$6,444,000 sa-bagai pinjaman ada-lah di-peruntukkan di-bawah Kepala Kechil 2.

Pada tahun ini saya dengan sukachita-nya melaporkan kepada Dewan beberapa kemajuan yang telah di-chapai oleh MARA dan daripada kemajuan² yang terchapai setakat ini, maka dapat-lah pula di-tilek akan harapan MARA pada masa hadapan dalam tugas²-nya merapatkan jurang perbezaan di-antara yang 'berada' dengan yang 'tidak berada'.

Semenjak tahun 1965 sa-bagaimana yang telah di-laporkan kepada Dewan ini pada tiap² tahun, MARA telah menjalankan sa-bberapa pengkajian dengan bertujuan menanam modal dalam berbagai² perniagaan dan perusahaan di-samping menggalakkan bumiputra mengambil bahagian chergas dalam segala lapangan tersebut. Usaha² ini jelas kelihatan dalam tahun 1968 dalam mana MARA

telah menanamkan modal-nya dalam berbagai perusahaan besar, di-antaranya termasuk-lah perusahaan membuat kulit dan barang² daripada kulit, perusahaan membuat sagu daripada ubi kayu, kilang membuat roti sa-chara moden, kilang menyediakan papan sedia, kilang batek gulong, dan kilang membuat baju. Sa-lain daripada itu, MARA juga telah membeli saham² di-antara 20% hingga 30% daripada perusahaan² besar yang ada di-negeri ini saperti kilang basikal, kilang memasang kereta, kilang memasag talivishen, kilang mengeluarkan rekod piring hitam, dan sa-bagai-nya. MARA telah menanam modal sabanyak \$4.1 juta dalam kilang² tersebut.

Bagi tahun 1969, MARA memerlukan \$5.3 juta untuk menjalankan usaha² yang sama dan juga untuk modal tambahan kepada perusahaan² yang telah di-masoki-nya itu. Saya tidak-lah berhajat hendak menerangkan butir² mengenai perusahaan² itu satu demi satu-nya tetapi memandangkan kepada jenis perusahaan dan perniagaan yang MARA telah turut serta itu, maka saya perchaya tuan² dapat menggambarkan perusahaan² dan perniagaan² yang akan di-tumpukan oleh MARA pada tahun ini.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, ada-lah menjadi dasar MARA untuk mengembang dan meluaskan usaha²-nya dalam segala lapangan perusahaan dan perdagangan dengan tujuan supaya bumiputra juga akan dapat, dengan sa-chara langsung, mengambil bahagian dalam perusahaan² baru. Dengan tertuboh-nya berbagai perusahaan ini, maka dapat-lah bumiputra di-tempatkan dalam segala lapangan perkhidmatan dalam perusahaan² ini dan dengan itu juga saya perchaya ia-nya akan memberi keyakinan kepada mereka bahawa orang² Melayu juga boleh mencheborkan diri mereka dalam perusahaan² ini. Sungguh pun pada permulaan-nya modal ada-lah di-tanamkan oleh MARA, tetapi ada-lah menjadi dasar dan tujuan MARA bahawa pada akhir-nya kelak, perusahaan² ini akan di-jualkan kepada bumiputra sa-baik²

sahaja mereka itu mampu membeli-nya dan sanggup pula memikul tanggong-jawab itu.

Sa-lain daripada menanam modal sa-chara sendirian atau berusaha-sama dengan sharikat² yang ada di-negeri ini, MARA juga tetap meneruskan usaha²-nya bagi menggalakkan perusahaan² kecil di-kalangan bumiputra. Bagi tujuan ini, MARA telah memperuntukkan \$1 juta untuk membantu berbagai ranchangan² perusahaan kecil bumiputra. Sa-bagai mana tuan² sedia ma'alum, sejak beberapa tahun yang lalu, MARA telah menjalankan satu ranchangan membekalkan kain² puteh dan lain² bahan mentah kepada pembatek² di-negeri ini dengan harga yang berpatutan. Kemajuan ranchangan ini sangat-lah menggalakkan dan pada tahun lalu jumlah penjualan kain puteh sahaja telah meningkat lebeh daripada \$10,000 sa-bulan. Memandang kepada kemajuan yang sangat menggalakkan ini, maka pehak MARA telah menubuhkan satu perbadanan bagi mengelolakan ranchangan itu dan sa-terus-nya mengkaji perkara² berkaitan dengan pemasaran batek. Perbadanan ini telah di-tubuhkan pada tahun lalu dan saya berharap ia-nya akan dapat menjalankan kerja-nya pada tahun ini dengan lebeh giat lagi.

Di-samping itu, MARA juga tidak kurang menumpukan tenaga dan usaha²-nya bagi menggalakkan bumiputra dalam lapangan perniagaan dengan mendirikan rumah² kedai dan bazaar untuk kemudahan peniaga² bumiputra. Mereka itu ada-lah di-galakkan berniaga di-bandar² dengan menyewa kedai² dan bazaar yang dibena oleh MARA dengan sewa yang berpatutan dan menasabah. Untuk tujuan ini MARA telah menguntukkan sa-banyak \$1.3 juta bagi menjalankan ranchangan² saperti itu dalam tahun 1969 ini.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa MARA juga telah melancarkan ranchangan perumahan luar bandar-nya dalam tahun 1967. Sa-

hingga hari ini hampir² 2,000 buah rumah telah pun di-dirikan di-seluruh Malaysia dan memandang kepada sambutan yang baik kepada ranchangan ini, pehak MARA telah menguntukkan sa-banyak \$1 juta bagi tahun ini untuk membena sa-banyak 600 buah rumah lagi.

Satu lagi ranchangan yang terbesar yang di-jalankan oleh MARA ia-lah dalam lapangan latehan. Saya perchaya Instituit Teknologi MARA memang sudah terkenal di-kalangan ra'ayat negeri ini sa-bagai sa-buah pusat pengajian teknologi dan hingga hari ini mempunyai sa-ramai 2,400 orang penuntut yang mengikuti 40 jenis kursus yang meliputi berbagai lapangan Perdagangan dan Teknologi. Pembinaan bangunan baharu bagi dua buah asrama di-Batu Tiga yang memakan belanja sa-banyak \$5,000,000.00 itu ada-lah sedang di-jalankan dan di-jangka akan siap pada akhir tahun ini.

Saya suka juga mema'alumkan bahawa pengambilan penuntut² sa-chara biasa hanya di-mulakan pada tahun 1966 sahaja dan oleh itu siswazah² yang keluar daripada Instituit ini belum-lah begitu ramai. Sa-takat ini Instituit tersebut telah mengeluarkan lebeh kurang 300 orang siswazah dan sa-tengah daripada mereka ini sedang bertugas di-bagai gedong² perusahaan yang besar di-negeri ini, manakala yang lain maseh melanjutkan pelajaran mereka di-luar negeri. Di-samping itu MARA akan terus juga mengeluarkan biasiswa²-nya kepada bumiputra bagi menggalakkan mereka mengambil pelajaran tinggi khas-nya dalam bahagian sains dan teknologi.

Untuk tujuan ini, wang sa-banyak \$2.2 juta telah di-peruntukan bagi tahun ini. Saya suka melaporkan kepada Dewan bahawa hingga hari ini MARA telah mengeluarkan biasiswa-nya kepada lebeh kurang 700 orang penuntut² yang sedang belajar di-Universiti² dan Kolej² di-luar dan dalam negeri. Sejak tahun yang lalu

MARA telah memberi sa-penoh² galakan kepada penuntut² yang mempelajari pelajaran sains, teknologi dan perdagangan. Ini ada-lah satu²-nya langkah untuk menggalakkan lagi orang² bumiputra berchenderong kepada lapangan itu serta membanyakkan lagi bilangan² orang bumiputra yang berkelulusan di-dalam lapangan² tersebut.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi-kah?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Empat muka lagi.

Tuan Pengerusi: Masa telah chukup. Meshuarat bersidang sa-mula sa-bagai Majlis Meshuarat.

Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya ma'alumkan, ia-itu Jawatan-kuasa Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1969, telah sampai kepada Kepala 126. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.